


Jilid n
Bil.19



Hari Isnin
13hb Disember, 1976

PENYATA RASMI PARLEMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 1721]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 1721]

Meniprkenankan Akta-akla [Ruangan 1721]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 1722]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 1723]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1723]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekaian, 1977 [Ruangan 1744]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhonnat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAH OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).

Timbalan Menteri, di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Perak).

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HEING DING (Dilantik).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).

DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.S.K.J., A.M.N., P.J.K. (Melaka).

GENERAL TAN SRI ABDUL HAMID BIDIN (Dilantik).

TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).

DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).

TUAN V. V. ABOO (Dilantik).

TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).

DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).

TUAN AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN (Dilantik).

DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).

DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).

TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).

DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).

PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).

PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).

TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N. PJK J.P. (Dilantik).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).

TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).

TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).

TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).

TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).

TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).

DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).

DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).

TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).

DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).

DATUK MANSOR BIN MOHAMED, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).

TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).

TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T. H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).

DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).

DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P. DATUK KURNIA PANGLIMA RAJA (Pahang).

DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).

TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).

PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).

DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).

RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).

TUAN SEAH TENG NGAIB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).

DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).

PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).

DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).

DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).

TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).

TUAN TING MING HIA (Sarawak).

PUAN HAJJAH TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).

TUAN V. SM. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).

DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., ORANG KAYA INDERA MAHARAJA PURBA JELAI (Pahang).

DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K. DATUK KAYA PATI (Dilantik).

PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji A.

HAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pernberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Julian binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 13hb Disember, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 230 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim.

Tan Sri Lee Boon Chim.

Puan Dasimah Dasir.

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA
MENGALU-ALUKAN AHLI BAKU

Tuan Yang di-Pertua: Bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli baru yang telah mengangkat sumpah dalam Dewan ini sebentar tadi, dan berharap semoga mereka dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1976;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1974 dan 1976) 1976;
3. Akta Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1976;
4. Akta Pinjaman (Stok Penimbal Timah Antarabangsa) 1976;

5. Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1976;
6. Akta Peguambela (Pindaan) 1976;
7. Akta Kerja (Pindaan) 1976;
8. Akta Pampasan Pekerja (Pindaan) 1976;
9. Akta Perubatan (Pindaan) 1976;
10. Akta Rancangan Keluarga (Pindaan) 1976;
11. Akta Kebankrapan (Pindaan) 1976;
12. Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan) 1976;
13. Akta Yayasan Tun Razak 1976; dan
14. Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Perbadanan) 1976.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan itu.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

{Setiausaha membacakan Perutusan}

"Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan, 1977;
2. Rang Undang-undang Pembantu Hospital (Pendaftaran);
3. Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Penjenayah Fujitif (Ekstradisi Khas);

5. Rang Undang-undang Letrik (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Pencen (Sarawak) (Pindaan); dan
7. Rang Undang-undang Pencen (Sabah) (Pindaan).

Tandatangan :
 YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT".

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya semua Rang Undang-undang yang tersebut di bawah ini dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan, 1977;
2. Rang Undang-undang Pembantu Hospital (Pendaftaran);
3. Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Penjenayah Fujitif (Ekstradisi Khas);
5. Rang Undang-undang Letrik (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Pencen (Sarawak) (Pindaan); dan
7. Rang Undang-undang Pencen (Sabah) (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PEKTANYAAN- PERTANYAAN

TANGGAGAJI PER&HIDMATAN KERAJAAN/SWASTA

1. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk mengadakan Tanggagaji di perkhidmatan Kerajaan sama dengan tanggagaji yang ditawarkan oleh pihak swasta dari serendah-rendah jawatan sehingga kepada yang paling tinggi.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, seperti ahli Yang Berhormat sedia maklum, satu

jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan untuk mengkaji Lapuran Jawatankuasa Suruhanjaya Ibrahim Ali, dan adalah tidak wajar pada ketika pengkajian itu dijalankan Kerajaan memberi jawapan "ya" atau "tidak" terhadap soalan Ahli Yang Berhormat.

KEMALANGAN KAPALTERBANG TUN FUAD

2. Tuan Haji Ibrahim bin Haji **Yaacob** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (i) keputusan penyiasatan berhubung dengan kemalangan kapalterbang yang mengakibatkan Tun Fuad dan ahli-ahli rombongannya terbunuh;
- (ii) jumlah kerugian yang telah dialami oleh Kerajaan; dan
- (iii) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengelakkan kemalangan seumpama itu dari berlaku lagi.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kemalangan kapalterbang Normad itu telah disebabkan oleh kehilangan kawalan alat penerbangan sewaktu membuat persiapan untuk mendarat. Keadaan ini ialah akibat muatan barang-barang dalam kapalterbang itu terlalu banyak diisi di bahagian belakang.
- (b) Kerajaan tidaklah mengalami apa-apa kerugian mata-benda dan kerana kapalterbang Normad itu dipunyai oleh Penerbangan Sabah.
- (c) Kawalan dan pemeriksaan yang lebih ketat telah dijalankan terhadap semua syarikat-syarikat penerbangan dagang yang meliputi mutu pengendalian kejuruteraan dan gerakan penerbangan, kecekapan jurutera dan juruterbang.

Tuan T. S. Gabriels Soalan tambahan. Berkenaan dengan kemalangan kapalterbang, pada masa sekarang kita membenarkan atau membiarkan pemimpin-pemimpin negara dan Menteri-menteri kita berjalan secara berkumpul dalam satu penerbangan baik dalam negeri-negeri dan juga ke luar negeri. Di Great Britain apabila Baginda Queen Elizabeth berjalan dengan kapalterbang, Putera Charles berjalan dahulu dengan penerbangan yang lain. Oleh sebab kepentingan negara,

adakah apa-apa rancangan pada masa hadapan supaya kita tidak membiarkan pemimpin-pemimpin dan Menteri berjalan dalam satu penerbangan secara berkumpul.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun menasihatkan supaya seberapa boleh dan seboleh-bolehnya pihak Menteri-menteri tidaklah melakukan penerbangan secara beramai-ramai.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan dalam Dewan ini, berapa banyakkah pampasan yang telah dikeluarkan samada oleh Kerajaan Sabah atau Kerajaan Persekutuan kepada mereka yang terlibat dalam kemalangan tersebut.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soal ini adalah soalan lain, saya tidak dapat menjelaskannya, melainkan diberi notis.

Tuan Kamarul Ariefin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan kepada soalan 2 (i) yang diberi sebentar tadi, bolehkah saya anggapan bahawa kecuaiian telah berlaku dari segi kakitangan atau pekerja-pekerja di situ yang membenarkan muatan yang lebih daripada yang patut.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, masalah ini tidaklah dapat dinafikan.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri itu telah mengatakan iaitu satu daripada sebab kemalangan ini ialah disebabkan keberatan isi dalam kapal terbang itu. Saya hendak bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, apakah langkah supaya perkara ini tidak akan terjadi lagi. Sebab saya tahu tiap-tiap kapal terbang yang isinya penuh, berat itu mahulah ditetapkan oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab berkenaan kapal terbang. Misalnya, jika chartered plane hendak pergi daripada Kuala Lumpur ke Mekah, tiap-tiap barang apabila telah ditimbang, penumpang-penumpangannya mestilah ditimbang juga supaya keberatan itu tidak lebih. Adakah peraturan ini dibuat dengan kapal terbang yang kecil seperti mana kapal terbang yang terjadi dalam hal ini.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab dalam bahagian (iii) bagi jawapan yang telah saya jelaskan sekejap tadi.

KONSEP DIKLARASI KUALA LUMPUR

3. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah yang sedang dibuat supaya negara Laos dan Indo-China dapat memahami lebih mendalam lagi konsep Deklarasi Kuala Lumpur, yang telah ditentang oleh Laos dalam Persidangan Negara-negara Berkecuali di Sri Lanka.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum negara-negara Indo-China sedang menumpukan masa dan tenaga mereka untuk memulihkan semula negara-negara mereka dari akibat peperangan.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum juga di Persidangan Kemuncak Negara-negara Berkecuali di Sri Lanka baru-baru ini, konsep ini tidaklah dapat dibincangkan oleh sebab kesuntukan masa dan Pengerusi telahpun memutuskan iaitu perkara ini dirojokkan kepada Biro Penyelarasan (Coordinating Committee) di New York. Di Persidangan Kemuncak ini, negara-negara Laos dan Sosialis Republik Vietnam telahpun menzahirkan reservation di atas konsep ini. Pada pendapat saya mereka memerlukan masa untuk memahami sedalam-dalamnya tujuan dasar negara-negara lain di rantau ini.

Kerajaan kita akan mengambil segala kesempatan untuk menerangkan konsep Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali di Asia Tenggara itu kepada mereka. Duta Besar kita ke Vietnam baru sahaja sampai di Hanoi dan adalah diharapkan dengan adanya beliau di sana kita dapat menerangkan dengan lebih lanjut lagi, bukan sahaja matlamat-matlamat mengenai konsep itu tetapi juga segala perkara yang bersangkutan dengan perhubungan bilateral. Menerusi perwakilan-perwakilan kita, Kerajaan akan terus memberikan keterangan dan mengadakan perbincangan yang lanjut mengenai konsep itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi dapatlah saya memahamkan

bahawa Kerajaan-kerajaan yang terlibat itu kurang memahami akan Deklarasi Kuala Lumpur kita. Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa satu usaha akan menahamkan kepada negeri-negeri tersebut, adakah Yang Berhormat Menteri dapat memberikan jaminan bahawa setelah menerima penerangan daripada kita negara-negara ini dengan senang hati akan menerima konsep kita itu.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sepertimana yang telah saya sebutkan, cadangan yang kita hendak buat untuk mencapainya matlamat kita, kita sentiasa berhubung baik dengan negara-negara, khususnya dengan tiga negara Indo-China yang boleh disifatkan terlibat di dalam dasar konsep iaitu Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali ini. Dengan itu, kita perlulah seberapa yang boleh memberikan penjelasan-penjelasan lanjut kepada mereka. Buat masa sekarang ini tentulah kita berusaha dengan sedaya-upaya untuk mencapainya matlamat itu dengan memberikan fahaman-fahaman dengan seberapa jelas kepada mereka.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam langkah-langkah untuk memahami lagi Deklarasi Kuala Lumpur ini iapakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa ada baiknya jikalau satu rombongan AMi-ahli Parlimen pergi ke negara-negara, terutamanya ke Laos dan Vietnam untuk menerangkan dengan lebih lanjut Konsep Deklarasi Kuala Lumpur ini.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya telahpun memberikan penjelasan di dalam Dewan Rakyat, iaitu kita akan membincangkan bila sampai masanya kemungkinan mengadakan satu delegasi untuk memberikan penjelasan-penjelasan kepada pihak yang berkenaan.

UNDANG-UNDANG DARURAT

1. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa orang ramai kurang percaya terhadap ketegasan undang-undang membicarakan kes dadah merbahaya di bawah Undang-undang Darurat sekarang. Apa punca yang menyebabkan demikian dan apa langkah sedang dibuat untuk mengatasi masalah ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, kes-kes dadah tidak dibicarakan di bawah Undang-undang Darurat tetapi dibicarakan di bawah Ordinan Dadah Berbahaya Bil. 30 Tahun 1952. Ordinan ini telah dipinda dari masa ke semasa untuk disesuaikan dengan keadaan masa-masa ketagihan dadah. Kerajaan menyedari bahawa selain daripada kes-kes dadah, mahkamah-mahkamah mempunyai banyak lagi kes-kes besar yang lain untuk dibicarakan dan ini mungkin menimbulkan sedikit kelewatan dalam membicarakan kes-kes dadah. Walau bagaimanapun, perkara ini sedang diatasi oleh Kerajaan supaya kes-kes ini dapat diselesaikan dengan segera.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa Hakim-hakim dan Pendakwa Raya kita dalam negeri ini kurang mengambil perhatian atas kes-kes dadah ini. Mereka menganggap bahawa kes-kes ini adalah kes yang kecil, tetapi mengutamakan kes-kes yang lain. Dalam hal ini apa langkah yang telah diberi oleh Kementerian ini kepada Hakim-hakim atau Pendakwa Raya kita.

Tan Sri Chong Hon Nyans Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak pendakwa sedang berunding dengan pihak mahkamah untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah ke-lambatan ini.

MATA PELAJARAN UGAMA ISLAM DALAM PEPERIKSAAN SRP/LCE DAN SPM/MCE

5. Pnan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian ini bercadang hendak mewajibkan setiap calon yang beragama Islam mengambil matapelajaran Ugama Islam dalam Peperiksaan S.R.P./L.C.E. dan S.P.M./M.C.E. pada tahun-tahun yang akan datang memandangkan kepada ramainya bilangan calon yang tidak mengambil matapelajaran tersebut sekarang.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini Kementerian belum bercadang hendak mewajibkan setiap calon yang beragama Islam mengambil matapelajaran Ugama Islam dalam Peperiksaan S.R.P./L.C.E. dan S.P.M./M.C.E. kerana perkara ini akan dikaji terlebih dahulu oleh Majlis Hal Ehwal Pelajaran Ugama Islam kepada Menteri Pelajaran.

MALAYSIAN TRADE FAIR IN LONDON

6. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan :

- (a) Apakah kejayaan yang dicapai oleh Malaysian Trade Fair yang diadakan baru-baru ini di London yang Menteri sendiri merasmikannya;
- (b) Adakah beliau sedar iaitu ada satu rombongan yang diketuai oleh Ketua Menteri Melaka melawat beberapa buah negeri termasuk London untuk mendapatkan pelaburan asing; jika sedar, apakah faedahnya dari segi perdagangan negara; dan
- (c) Apakah langkah Kementerian untuk mengkoordinasi lawatan rombongan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan pelaburan asing supaya tidak melibatkan perbelanjaan yang membazir.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pameran Perdagangan Malaysia yang diadakan di London dari 7hb hingga 9hb September, 1976 telah mencapai kejayaan yang memuaskan. Sebanyak 33 syarikat pengeluaran Malaysia yang mengambil bahagian di dalam pameran perdagangan tersebut telah menerima pesanan yang akan dibekalkan dalam tahun 1976 dan 1977. Sebanyak \$22,012,200 barang-barang keluaran Malaysia yang telah menerima sambutan yang hangat dari pengimpot-pengimpot dan pembeli-pembeli yang mengunjungi pameran itu ialah seperti berikut:

Barang-barang letrik seperti calculator dan jam-jam digital; barang-barang yang diperbuat dari pelastik, nenas dalam tin, batik, pakaian; barang-barang yang diperbuat daripada kayu seperti kerusi-meja, katil dan sebagainya; kasut yang diperbuat dari kulit dan getah; barang-barang makanan dalam tin seperti biskut dan buah-buahan yang ditin; permainan kanak-kanak; barang-barang kemas; batu marmar; barang-barang yang diperbuat dari pewter; bunga okid; tanker dan trailer. Saya juga ingin memaklumkan bahawa pesanan-pesanan dan pertanyaan-per-

tanyaan perdagangan (trade enquiries) yang diterima bukan hanya untuk pembekalan ke negara United Kingdom sahaja tetapi juga untuk pembekalan ke negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Kanada, Eropah ke negara-negara di Afrika dan juga ke Asia Barat.

- (b) Saya sedar atas lawatan satu rombongan yang diketuai oleh Ketua Menteri Melaka ke negara-negara lain untuk mendapat pelabur asing tetapi pertanyaan apakah faedahnya dari segi perdagangan negara-negara di atas lawatan ini, buat masa ini tidaklah dapat diberi kenyataan ataupun jawapan yang pasti kerana hasil daripada satu tindakan diambil untuk mempelawa pelabur-pelabur dari segi menghantar rombongan-rombongan ini hanya dapat diketahui selepas beberapa lama daripada pertemuan rombongan itu dengan pelabur-pelabur modal luar negeri. Walau bagaimanapun, saya telah dimaklumkan bahawa di negara-negara yang telah dilawati oleh rombongan ini, ahli-ahli rombongan ini telah berpeluang menemui banyak syarikat-syarikat dan pihak-pihak pelabur modal yang membuat berbagai penyiasatan ataupun pertanyaan di atas kemudahan-kemudahan pelaburan yang boleh dilaburkan di negara ini, khususnya di negeri Melaka.
- (c) Memang ada peraturan yang telah diwujudkan semenjak tahun lepas dalam mana lawatan rombongan ke luar negeri oleh Kerajaan-kerajaan Negeri itu adalah dikoordinasikan dengan Kementerian dalam mana Kerajaan-kerajaan Negeri yang hendak menghantar rombongan ke luar negeri mestilah terlebih dahulu mengangkat satu Kertas Kerja yang rapi yang menyatakan negeri-negeri yang hendak dilawati dan tujuan-tujuan lawatan yang dicadang itu dan persetujuan cuma diberi oleh pihak Kerajaan Pusat jikalau sekiranya lawatan itu akan membawa faedah kepada negara dari segi pelaburan.

Datuk Mansor bin Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan lagi. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi berhubung dengan lawatan ke luar negeri, adakah boleh kita fahamkan Kerajaan-kerajaan

Negeri menghantar rombongan yang diketuai oleh Ketua Kerajaan hingga sampai berbulan-bulan dengan kerana mereka tidak ada kepercayaan terhadap Jabatan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan kita sendiri di seberang laut iaitu FIDA yang saya tahu ada di beberapa tempat di seluruh dunia, walaupun barangkali tidak ada di dalam tiap-tiap negeri tetapi di tempat-tempat yang strategic semuanya ada. Apakah faedahnya pergi ke luar negeri dengan satu rombongan yang besar hingga berbulan-bulan, tidakkah ini menghabiskan wang rakyat. Tidakkah memadai dengan kita menghantar seorang atau dua orang pegawai ekonomi atau sesiapa sahaja, barangkali mereka akan mengecilkkan belanja. Juga tidakkah ini hams akan menjadi ikutan pula oleh negeri-negeri lain sebab membelanjakan wang ini memang senang, sedangkan rombongan yang diatur oleh pihak Kerajaan Pusat sendiri, Kerajaan Negeri boleh menumpangkan seorang dalam tiap-tiap satu rombongan itu cukup memadai. Saya rasa tidak payah hantar rombongan-rombongan yang besar hingga berbulan-bulan, rakyat tentu marah dan orang-orang bawah tidak dapat defence mereka ini, kita terpaksa defence apabila orang bertanya kepada kita. Jadi, apakah langkah supaya perkara ini tidak beralang lagi. Saya meminta maaf kepada orang Melaka sebab saya rasa perkara yang tidak patut diamalkan memang tidak patut walaupun oleh siapa-siapa.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pada masa-masa yang lepas menaruh kebimbangan yang sama apabila melihat banyak rombongan-rombongan yang dihantar oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mempelawa pelabur-pelabur modal masuk menanam modal ke negeri ini oleh kerana saya berpendapat ada kalanya rombongan ini dihantar melipatgandakan ataupun menduplikasikan rombongan yang dianjurkan oleh Kerajaan Pusat menerusi FIDA.

Dengan adanya kebimbangan saya pada masa lepas, maka saya menyampaikan perkara ini kepada Allahyarham bekas Perdana Menteri Tun Haji Abdul Razak dalam mana telah ditetapkan bahawa oleh kerana penghantaran rombongan ini adalah atas perbelanjaan negeri-negeri dalam mana negeri-negeri berkuasa memutuskan perbelanjaan wangnya sendiri, tetapi dalam pada itu Allahyarham berpendapat bahawa mesti ada kawalan terhadap penghantaran rombongan-rombongan

pelaburan modal ke luar negeri daripada Kerajaan Pusat supaya jangan berbangkit perkara yang dibimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Oleh kerana ini telah diputuskan pada masa itu oleh Allahyarham Tun Abdul Razak supaya diadakan peraturan dalam mana sebelum Kerajaan Negeri menghantar rombongan pelaburan modal ke luar negeri dia mesti menulis kepada Kerajaan Pusat menerusi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian membentangkan Kertas Kerjanya yang rapi sepertimana saya kata tadi di mana dia akan menyatakan tujuan-tujuan, matlamat-matlamat dia hendak ke luar negeri menghantar dan membawa rombongannya. Kalau sekiranya didapati tidak perlu dihantar, kami akan menasihati supaya jangan dihantar dan kalau dihantar juga Kementerian tidak akan memberi kerjasama dalam perkara ini oleh kerana kita bimbang sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat tadi berbangkit perbelanjaan wang yang membazir oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, saya menyedari dan mengakui bahawa ada negeri-negeri seperti Pulau Pinang umpamanya, menghantar rombongan ke luar negeri yang diketuai oleh Ketua Menteri dengan membawa hasil kepada negara khususnya kepada Pulau Pinang dengan adanya peJaburan-pelaburan yang telah diperolehi daripada luar negeri untuk negeri Pulau Pinang.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa langkah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Melaka atau Ketua Menteri Melaka itu adalah satu usaha yang baik untuk mendapatkan pelaburan asing mengadakan investment dalam negeri Melaka. Keuntungan-nya ialah bagi jenerasi Melaka pada masa akan datang dan usaha ini telah dibuat oleh Kerajaan Pulau Pinang. Bagi negeri Melaka mengikut berita akhbar, hasilnya baik dan beberapa pelabur asing akan membuat pelaburannya ke dalam negeri Melaka dalam tempoh yang tidak berapa lama lagi. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar perkara ini dan menyokong saya bahawa lawatan itu perlu?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat sebagaimana yang kami telah lihat di Kementerian Kertas Kerja yang telah dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Melaka

terhadap lawatan rombongan ini, saya ber-setuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat tadi, dan sedar bahawa lawatan rombongan ini sekarang ini rasa saya telah menelurkan hasil yang baik dari segi pelaburan di Melaka dan kita tunggu sahaja dalam masa empat lima bulan, insya Allah rasa saya hasil pelaburan ini akan dapat kita saksikan dengan bertambahnya bilangan pelaburan di dalam negeri Melaka.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab negeri Melaka disebut, saya hendak bertanya sedikit sahaja kepada Yang Berhormat Menteri samada pemergian rombongan negeri Melaka itu berfaedah atau tidak.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, berfaedah.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Daripada keterangan mengatakan di tiap-tiap negeri di dunia yang ada tempat-tempat (centre) yang aktif dalam perdagangan dan perusahaan, ada FIDA di situ. Bukan sahaja itu ada juga Trade Commissioner di tiap-tiap Kedutaan kita di luar negeri. Saya hendak bertanya tidakkah cukup dengan adanya Trade Commissioner di tiap-tiap Kedutaan itu, ataupun tidakkah Trade Commissioner di tiap-tiap negeri itu menghantar apa-apa kehendak orang-orang yang hendak menanam modal dari negeri itu ke Kementerian dan disalurkan kepada tiap-tiap negeri. Adakah dengan sebab-sebab itu maka tiap-tiap negeri terpaksa keluar untuk mencari hal mereka masing-masing.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat maklum, bilangan pegawai yang menjalankan tugas FIDA ialah pertamanya kurang. Kalau ada pun seperti di London dia menjagai tujuh lapan buah negara, jadi sudah tentu susah bagi seseorang pegawai selain daripada tugas-tugas yang lain melawati semua negeri itu. Begitu juga kedudukan Pesuruhjaya Perdagangan, tugas pegawai ini adalah semata-mata menggalakkan perhubungan dari segi perdagangan bukan dari segi pelaburan modal, itu tanggungjawab pegawai FIDA. Selain dari itu juga suka saya menyatakan bahawa adalah matlamat kita mencari seberapa banyak orang-orang di luar negeri melabur modal di sini dan kalau sekiranya ada apa sahaja cara usaha samada dari segi Kerajaan-kerajaan

Negeri menghantar rombongannya mem-pelawa pelabur-pelabur ini adalah diterima baik, kalau sekiranya dia membawa hasil kepada matlamat kita membanyakkan pelaburan di dalam negara.

RANCANGAN KELAPA SAWIT JERANGAU

7. Datuk Mansor bin Mohamad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) berapakah keluasan ekar Rancangan Kelapa Sawit Jerangau peringkat 1 dan 2;
- (b) berapakah belanja bagi melaksanakan Rancangan Kelapa Sawit Jerangau dari mula membersihkan, menanam dan menjaganya sehingga kepada masa mengeluarkan buah bagi tiap-tiap seekar (termasuk belanja-beianja pejabat atau pengurusan);
- (c) berapakah belanja tiap-tiap seekar ladang kelapa sawit yang sedang mengeluarkan buah sekarang (1975) termasuk belanja-beianja pengurusan;
- (d) berapakah pendapatan bagi tiap-tiap seekar ladang kelapa sawit dalam tahun 1975 (jumlah tan minyak, kernel, dan nilai harganya); dan
- (e) adakah belanja-beianja ini serupa dikeluarkan di lain-lain rancangan FELDA.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (**Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda**): Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Keluaran peringkat pertama Rancangan Kelapa Sawit Jerangau ialah 1,190 ekar dan peringkat dua seluas 1,419 ekar.
- (b) Kira-kira kos pembangunan bagi sesuatu peringkat rancangan kelapa sawit FELDA ditutup pada akhir tahun di mana peringkat itu mencapai titik pulangan modal. Akaun Peringkat I Rancangan Jerangau telah ditutup pada 31-12-1969 dan Peringkat II pula pada 31-12-1970. Jumlah kos pembangunan iaitu termasuk kos pembangunan pertanian, kawasan rumah dan sebuah rumah, pinjaman persendirian dan faedah kompaun atas kadar 6i% setahun ialah \$1,625.17 seekar

bagi Peringkat I dan \$1,596.74 seekar bagi Peringkat II. Kos ini tidak termasuk kos pengurusan yang dianggarkan sebanyak lebih kurang \$50 seekar setahun bagi keseluruhan rancangan FELDA. Jumlah itu termasuk semua perbelanjaan urusan pejabat di peringkat rancangan wilayah dan ibu pejabat.

- (c) Selepas akaun sesuatu peringkat rancangan ditutup FELDA tidak lagi mengenakan kepada akaun peringkat apa-apa perbelanjaan kerana peneroka sendiri mengusahakan ladang mereka. Tentang belanja pengurusan sama lebih kurang seperti yang saya nyatakan tadi dalam jawapan (b).
- (d) Jumlah buah tanaman baru (B.T.B.) kelapa sawit yang telah dikeluarkan dalam rancangan 1975 dari peringkat I Rancangan Jerangau ialah 10,546 tan atau 8.8636 tan seekar dan dari Peringkat II sebanyak 11,798 tan atau 8.315 tan seekar. Harga purata yang telah dibayar kepada peneroka ialah \$110 bagi setan B.T.B. Ini bermakna pendapatan kasar putera sebelum ditolak bayaran di Peringkat (c) di atas dalam tahun 1975 bagi tiap-tiap seekar ladang kelapa sawit Rancangan Jerangau adalah \$974.93 seekar bagi Peringkat I dan \$914.65 seekar bagi Peringkat II. Kilang Jerangau memproses B.T.B. dari rancangan FELDA Jerangau, Bukit Bading dan juga Iain-lain rancangan apabila berlakunya alihantar B.T.B. Jumlah B.T.B. yang diproses di rancangan Jerangau dalam tahun 1975 ialah 97,395 tan B.T.B. dengan pengeluaran minyak sebanyak \$17,175 tan dan isi sawit sebanyak 3,074 tan. Berasaskan kepada kadar perahan ini anggaran quantity minyak dan isi sawit yang dihasilkan dari jumlah B.T.B. yang diproses sebanyak 22,344 tan dari Peringkat I dan II Rancangan Jerangau ialah 3,940.2 tan minyak sawit dan 705.2 tan isi sawit. Harga purata bagi jualan oleh FELDA dalam tahun 1975 ialah \$1,115.22 setan f.o.b. bagi minyak sawit dan \$383.45 setan ex-kilang bagi isi sawit.

(e) tidak.

RUMAH RAKIT DI TEMERLOH, PAHANG

8. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau sedar tentang satu kenyataan dalam akhbar bahawa walaupun kita telah mencapai kemerdekaan selama lebih lima belas tahun masih ada orang-orang yang tinggal di rumah-rumah rakit di sungai-sungai di Pahang di mana terdapat 56 buah rumah rakit di Temerloh, 20 di Mentakab dan 40 di Kuala Lipis. Semua orang-orang ini terdiri dari buruh-buruh kasar dan mereka sanggup berpindah jika Kerajaan mengadakan satu skim perumahan untuk mereka. Jika ya, bilakah skim ini akan dijalankan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (**Dafuk Haji Ramli bin Omar**): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada beberapa keluarga yang tinggal di dalam rumah-rumah rakit di sungai-sungai di Temerloh, Mentakab dan Kuala Lipis, di negeri Pahang. Saya diberitahu oleh Kerajaan Negeri berkenaan bahawa sebilangan besar daripada mereka itu adalah orang-orang mendatang yang menjadikan rumah rakit itu tempat tinggal sementara mereka; sementara menunggu mendapat tanah dan rumah yang lebih tetap. Bilangan penghuni-penghuni di rumah rakit ini telah semakin berkurangan kerana mereka ini telah pun mendapat tanah atau rumah dibandingkan dengan beberapa tahun yang lalu.

Kerajaan tidak ada cadangan untuk mengadakan satu sekim Perumahan Khas untuk mereka. Kerana, berbuat demikian boleh disalah ertikan oleh mereka yang sengaja hendak mengambil kesempatan ke atas peluang bahawa menjadi setinggan dengan cara mandiri atau mendiami rumah-rumah rakit itu adalah satu jalan yang mudah bagi mereka mendapatkan rumah di bawah Rancangan Perumahan A warn. Namun demikian, saya suka menerangkan di sini bahawa dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini ada lima buah projek perumahan awam kos rendah yang hendak dilaksanakan di Temerloh, Mentakab dan Kuala Lipis. Projek-projek ini sedang pun dalam peringkat awal pelaksanaan dan tapak-tapak-nya adalah berdekatan dengan kawasan rumah-rumah rakit tersebut. Umpamanya, projek-projek di Temerloh dan Mentakab adalah hanya suku (%) hingga satu (1) batu

sahaja dari kawasan-kawasan rumah-rumah rakit tersebut. Penghuni-penghuni rumah rakit ini bolehlah membuat permohonan untuk mendapatkan rumah dari projek-projek ini, jika mereka mempunyai kelayakan sewajarnya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masaalah rumah rakit, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan tidakkah rumah rakit ini satu tradisi bagi rumah-rumah dalam Malaysia ini supaya kalau boleh Kementerian ini memperbaiki dan mengikut cara moden, rumah rakit yang ada dalam tanahair kita dan disuruh penghuni-penghuni itu duduk kekal dalam rumah rakit di tempat itu?

Datuk Haji Rami! bin Omar: Saya akui Tuan Yang di-Pertua, rumah rakit itu satu tradisi kita, tetapi Ahli Yang Berhormat mesti faham iaitu mengikut Perlembagaan negara kita rumah dan tanah adalah di bawah kekuasaan Negeri. Jadi kalau Negeri berkehendakkan rumah rakit itu dikekalkan dan ditambahkan lagi, itu terpulanglah kepada Kerajaan Negeri.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Saya tertarik hati sebab masaalah ini dalam negeri saya. Adakah Kerajaan bercadang memperbanyakkan bantuan, pinjaman dan sebagainya supaya boleh mengatasi masaalah ini kerana kemiskinan penduduk rumah rakit tersebut dan bolehkah Kerajaan sekali lagi menimbangkan, sebagaimana yang dikatakan oleh sahabat saya tadi supaya memodenkan rumah rakit ini menjadi tempat ketenangan fikiran dengan bantuan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri berbuat demikian. Bolehkah Yang Ber-

hormat Timbalan Menteri menimbangkan cadangan demikian?

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya boleh mempertimbangkan dan akan berunding dengan Kerajaan Negeri dan kalau peruntukan itu dikehendaki untuk memperbaiki rumah rakit itu boleh dipertimbangkan.

Dr Lim Keng Yaik: Soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri berkenaan menjawab tanah rumah adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Oleh itu, bolehkah Menteri berkenaan membolehkan tiap-tiap negeri menubuhkan satu Lembaga Perumahan dan Lembaga ini mempunyai financially autonomous dan independent dan tiap-tiap tahun Kerajaan Pusat beri wang kepada Lembaga itu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain, tidak payah jawab.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

9. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan adakah Kerajaan telah membuat rancangan rumah murah di Temerloh, Pahang, jika ada, apakah sebab belum lagi diadakan rumah hingga masa sekarang dan apakah tindakan yang diambil dan setakat mana kemajuan yang telah dicapai.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa rancangan perumahan awam kos rendah telah ada dilaksanakan di daerah Temerloh, Pahang, semasa Rancangan-rancangan Malaysia Pertama dan Kedua dahulu. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

A. RANCANGAN MALAYSIA PERTAMA

<i>Projek</i>	<i>Jenis</i>	<i>Bil. Yunit</i>	<i>Catitan</i>
(i) Triang ...	Teres ...	50	Kawasan Kampung Baru—siap 1969
(ii) Kemayan ...	Teres ...	32	Kawasan Kampung Baru—siap 1969

82

B. RANCANGAN MALAYSIA KEDUA

(iii) Mentakab I	Pangsa ...	64	Siap 1974
(iv) Bandar Pusat Jengka II ...	Kayu (sesebuah)	126	Siap 1975

190

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini 3 lagi projek perumahan awam kos rendah adalah dicadangkan untuk dibina di daerah remerloh. Satu daripada projek-projek ini adalah di Bandar Temerloh, yang sedang pun ialam peringkat awal perlaksanaannya.

BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA

10. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa memandangkan kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa khasnya dalam bidang sains dan teknologi, dan bahawa banyak buku teks dan sastera sains dan teknologi, diterbitkan dalam bahasa itu, samada beliau akan membenarkan penggunaan bahasa itu di peringkat pengajaran tinggi dalam bidang sains dan teknologi supaya penuntut-penuntut kita dapat menambah lebih faedah dan pengetahuan bagi mencapai Pembangunan Ekonomi Nasional.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dasar sistem pelajaran kebangsaan adalah untuk melaksanakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di semua peringkat pengajian bagi asas memperkukuhkan lagi penyatuan dan perpaduan negara di kalangan rakyat Malaysia. Namun begitu penggunaan bahasa Inggeris akan diperluaskan lagi sebagai bahasa kedua yang penting. Sehingga ini tidak ada bukti penggunaan Bahasa Malaysia menghalang pencapaian penuntut dalam bidang sains dan teknologi. Ini ialah oleh kerana semua penuntut di peringkat pelajaran tinggi mempunyai asas bahasa Inggeris yang cukup. Kejayaan pelajaran sains dan teknologi dalam Bahasa Malaysia dapat dilihat apabila mereka yang lulus dari Universiti Kebangsaan dapat meneruskan pelajaran di peringkat post-graduate di United Kingdom dengan kejayaan yang cemerlang, walaupun pelajaran di United Kingdom adalah dalam bahasa Inggeris.

AKTA PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR

11. Tuan Syed Omar bin Syed Hussin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) samada beliau bercadang hendak mengkaji semula Akta Perlindungan Hidupan Liar khususnya mengenai dua jenis burung ini iaitu Sintang Merah dan Ruak-ruak, supaya dikecualikan dari jenis-

jenis burung yang dikawal. Kerana dua jenis burung tersebut bukanlah dari jenis burung-burung yang hidup dan membiak di negara ini, malah ianya datang berhijrah pada waktu-waktu dan musim-musim yang tertentu; dan

(b) samada beliau sedar bahawa burung-burung tersebut biasa ditangkap dengan menggunakan jaring dan pipit (serunai) dengan banyaknya di sebelah utara Semenanjung Malaysia sebelum dikuatkuasakan Akta Perlindungan Hidupan Liar itu. Walaupun tangkapan yang begitu banyak dibuat sejak berpuluh-puluh tahun dahulu, malah bilangan burung-burung tersebut tidak juga berkurangan. Nyatakan tujuan Kementerian mengawal hidupan burung-burung yang dimaksudkan itu.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian saya dan Jabatan Mergas-tua sentiasa mengkaji keperluan pindaan kepada Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 untuk mengubahsuai kepada keadaan dari masa ke semasa.

Berkenaan dengan kedua-dua jenis burung yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Senator iaitu burung Sintang Merah (*Rallus Faciatus*) juga dikenali di setengah-setengah daerah burung Sintang Api dan burung Ruak-ruak. (*Amanornis phoenicurus*) adalah bukan jenis burung yang mengembara seperti yang dinyatakan tetapi ia adalah jenis burung yang menetap dan bersarang di Semenanjung Malaysia.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator terdapat tujuh jenis burung yang digolong dalam jenis Sintang iaitu Malay Banded Crake (*Rallus faciatus*), Slaty Breasted Rail (*Rallus striatus*), Ruddy Crake (*Porzana fusca*), Gray Bellied Crake (*Poliolimnas cinereus*), Phillipine Banded Crake (*Rallus eurizonoides*), Chinese Banded Crake (*Porzana paykullii*) dan Dwarf Crake (*Porzana pusilla*).

Dari keseluruhan yang dinyatakan di atas jenis yang pertama hingga jenis yang keempat adalah jenis burung Sintang yang menetap dan bertelur di negara ini dan tiga jenis seterusnya adalah terdiri dari jenis burung Sintang yang

datang ke negara ini sekali sekala (mengembara) sahaja. Kajian-kajian yang lengkap telah dijalankan oleh Bahagian Unit Menggelang Burung (Bird ringing team) di Jabatan Mergastua dan semua data-data berhubung dengan pergerakan burung (mengembara dan menetap telah dikumpul dan seterusnya disenarai dalam undang-undang untuk dikuatkuasakan.

Berhubung dengan Burung Ruak-ruak (*Amanornis phoenicurus*) walaupun ada jenis burung Ruak-ruak didapati di Sumatera tetapi dari rekod-rekod Bahagian Unit Menggelang Burung adalah didapati jenis Ruak-ruak di Sumatera tidak pernah sampai ke negara ini.

- (b) Jabatan Mergastua memang sedar burung-burung Sintar Merah dan Ruak-ruak telah ditangkap dengan banyak sekali terutama di negeri-negeri sebelah Utara Semenanjung Malaysia dari dahulu sebelum kuatkuasa Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 dengan menggunakan jaring dan pipit (serunai). Memandangkan hal ini dan seterusnya dari rekod-rekod pentadbiran ini jumlah jenis burung tersebut terancam dan telah berkurangan maka pembiakannya mestilah dikawal. Perhatian tentang tidak berkurang tidak harus ditumpu di satu-satu kawasan sahaja tetapi ia haruslah dipandang dari taburan dan pembiakan di seluruh negara.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum kita menyelamatkan burung-burung Sintar Merah ini, adakah Kementerian ini bersedia menterjemahkan bahasa Latin itu kepada Bahasa Kebangsaan? Sebab antara satu sehingga empat jenis burung Sintar Merah memang ada di Malaysia. Sebelum kita menyelamatkan burung ini, bolehkah terjemahkan namanya dahulu dalam Dewan ini?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah rumit dan payah sedikit, sebab ini di bidang sains, kadang kala diambil nama yang boleh digunakan oleh orang awam, sebab kita hendak perhatikan satu jenis daripada jenis yang lain itupun sukar juga.

**PERUMAHAN DI LADANG-LADANG/
LOMBONG-LOMBONG**

12. Tuan M. Mahalingam bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa tidak ada satu projekpun sehingga sekarang dilaksanakan samada di ladang-ladang ataupun di lombong-lombong sejajar dengan Laporan Tenaga Petugas tentang Perumahan. Sekiranya tidak, sila nyatakan projek-projek yang telah dilaksanakan sehingga sekarang dan projek-projek yang akan dilaksanakan dalam tahun 1977, 1978. Sekiranya benar, nyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyegerakan pelaksanaan.

Tan Sri Chong Han Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa sehingga ini masih belum ada projek yang telah dilaksanakan di ladang-ladang dan di lombong-lombong sejajar dengan laporan Pasukan Petugas mengenai perumahan di ladang-ladang dan lombong-lombong. Akan tetapi ada beberapa projek yang sekarang di dalam peringkat perancangan yang terakhir di Selangor, Kedah, Johor dan Negeri Sembilan dengan kerjasama yang rapat Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan. Projek-projek tersebut ialah di Ladang Tennamaram, Kuala Selangor, Ladang Batu Perkaka Sungei Petani Kedah, Ladang Bukit Paloh di Johor dan Ladang Sengkang, Port Dickson. Adalah diharapkan projek-projek ini akan dapat dilaksanakan dalam tahun 1977.

Usaha-usaha sedang dijalankan sekarang dengan Kerajaan Negeri, dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan untuk menyelesaikan masaalah-masaalah yang dihadapi dalam pelaksanaan projek ini, seperti "Conversion" tanah-tanah pertanian kepada tanah perumahan, sistem pemberian, serta perbekalan kemudahan-kemudahan seperti api, air dan lain-lain. Beberapa sekim lain lagi akan dijalankan selepas perancangan sekim-sekim yang pertama ini.

**PERBADANAN KESIHATAN KEDAH
(KEDAH HEALTH BOARD)**

13. Tuan V. SM. Vellayappa minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementerian akan mengambil-alih Perbadanan Kesihatan Kedah (Kedah Health Board) yang menjalankan perkhidmatan kesihatan di estet-estet kerana banyak estet-estet dan pekebun kecil telah keluar daripada sekim ini yang dengan

demikian menimbulkan kerumitan di kalangan ramai pekerja-pekerja estet pada dewasa ini untuk mendapatkan kemudahan kesihatan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak bercadang mengambil-alih Perbadanan Kesihatan Kedah (Kedah Health Board). Walau bagaimanapun Perkhidmatan Kesihatan untuk pekerja-pekerja di ladang akan terus dimajukan menerusi projek-projek kesihatan luar bandar. Dalam memperluaskan perkhidmatan kesihatan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, keutamaan akan diberi kepada penduduk-penduduk di ladang-ladang. Projek-projek Kesihatan yang akan memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk-penduduk ladang adalah terdiri dari Pusat-pusat Kesihatan, Klinik-klinik Bidan, Klinik-klinik Desa dan Pasukan Kesihatan Bergerak. Sebilangan besar ladang-ladang yang mendapat perkhidmatan perubatan dan kesihatan dari Perbadanan Kesihatan Kedah adalah di dalam Daerah Kuala Muda. Untuk memberi keutamaan yang lebih tinggi lagi, Kementerian saya baru-baru ini telahpun menempatkan satu Pasukan Kesihatan Bergerak dari Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang ke Daerah Kuala Muda. Projek-projek baru untuk Daerah Kuala Muda dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah seperti berikut:

1. Pusat Kesihatan, Bidong.
2. Menaikkan Taraf Pusat Kesihatan Kecil ke Pusat Kesihatan Besar.
3. Klinik Desa baru (Sg. Layang Ujong dan Tukang Jusoh).
4. Pertukaran Klinik Bidan ke Klinik Desa (Tanjong Dawai dan Lubok Sega).
5. Projek bekalan air masyarakat yang mana perbelanjaan wang sebanyak \$85,000 telah diluluskan.

Pekerja-pekerja ladang di bawah Perbadanan Kesihatan Kedah akan juga mendapat faedah dari projek-projek kesihatan dari daerah-daerah yang berhampiran termasuk Daerah-daerah Baling, Kulim dan Bandar Baru.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1977

Bacaan Kali Yang Kedua

331 *ptg.*

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1977 dan bagi mengemukakan wang itu dan Iain-lain wang sebagaimana yang telah dibenar dikeluarkan untuk perkhidmatan tahun itu" dibacakan bagi kali yang keduanya.

Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat, bahawa Menteri Kewangan sebelum saya, iaitu Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, sekarang ini Perdana Menteri kita, merupakan Menteri pertama yang telah membentangkan Perutusan Belanjawan Khas kepada Dewan Negara. Langkahnya ini telah didapati sangat berguna bukan sahaja untuk memberi gambaran am mengenai Ucapan Belanjawan, dan menerangkan pembangunan ekonomi dan belanjawan yang terakhir kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, bahkan juga untuk mendapat panduan dan bimbingan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengenai dasar-dasar ekonomi dan belanjawan Kerajaan. Saya akan meneruskan amalan ini dan meminta Ahli-ahli Yang Berhormat melahirkan buah fikiran mengenai belanjawan 1977. Saya memberi jaminan bahawa saya akan mengikuti perbincangan di Dewan ini dengan teliti dan bersedia menerima dan melaksanakan segala syor-syor yang didapati sesuai dan praktikal.

Pencapaian ekonomi dan dasar-dasar kewangan Malaysia dalam tahun 1976 dan prospek-prospeknya untuk tahun 1977 telah diterangkan dengan lengkap dalam Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan 1976/1977 yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dengan itu, saya hanya akan memberi satu Perutusan Belanjawan yang ringkas dan cuma menyentuh perkembangan-perkembangan yang penting sahaja.

Sukacita saya menyatakan di sini bahawa tahun 1976 merupakan satu tahun yang lebih baik daripada yang dijangkakan. Keluaran Dalam Negeri Kasar (G.D.P.) untuk tahun

1976 mungkin akan melebihi pertambahan sebanyak 8.5% yang saya sebutkan dalam Ucapan Belanjawan 1977 dahulu. Inflasi bertambah dengan kadar yang lebih rendah, iaitu sebanyak 3% sahaja, berbanding dengan anggaran asal sebanyak 4.5%. Harga makanan naik hanya sebanyak 2.5% sahaja dalam tahun 1976 berbanding dengan kenaikannya sebanyak 4.5% dalam tahun 1975. Ini menunjukkan bahawa inflasi telah dapat dikawal, bukan sahaja disebabkan oleh harga barang-barang impot telah berkurangan, tetapi juga dengan adanya langkah-langkah yang berkesan daripada Kerajaan untuk mengawal kenaikan harga.

Prestasi ekonomi atau keupayaan dan pencapaian ekonomi yang lebih baik di dalam tahun 1976 adalah terutamanya disebabkan oleh harga barangan kita yang tinggi. Harga barang-barang mentah eksport utama kita, melainkan kelapa sawit, terus kukuh di sepanjang tahun 1976 sehingga sekarang. Harga purata getah R.S.S.I. misalannya ialah \$2 sekilo, berbanding dengan harga puratanya dalam tahun 1975 sebanyak \$1.39 sekilo.

Prestasi atau keupayaan dan pencapaian eksport yang baik ini telah menggalakkan pengeluaran dalam negeri pula, lebih-lebih lagi pengeluaran barang-barang pertanian. Pengeluaran getah, kayu balak, kayu digergaji dan juga minyak mentah, telah bertambah dengan banyak. Ini telah menambahkan nilai eksport kita sebanyak 35%-45% berbanding dengan nilainya pada tahun 1975. Sementara itu pula, nilai impot telah bertambah dengan kadar yang lebih perlahan, iaitu sebanyak 15% sahaja. Ini adalah disebabkan oleh harga impot yang semakin turun. Kedudukan imbalan pembayaran (Balance of Payments) kita juga dijangka lebih baik, dan pada keseluruhannya, akan mencatatkan lebihan sebanyak \$2,040 juta, berbanding dengan lebihan sebanyak \$171 juta yang tercapai dalam tahun 1975. Wang simpanan pertukaran luar bersih (net foreign exchange reserve) sekarang ini dijangka mencapai paras \$6,230 juta, iaitu bertambah sebanyak \$2,000 juta jika dibandingkan dengan kedudukannya pada akhir tahun lalu. Jumlah wang simpanan luar ini adalah cukup untuk membiayai impot bersih bagi kira-kira 8 bulan berdasarkan paras impot pada akhir tahun 1976. Ini adalah satu keadaan yang amat memuaskan.

Kedudukan Belanjawan Kerajaan Persekutuan pula sehingga ini adalah masih seperti yang saya sebutkan sewaktu Ucapan Belanjawan saya dahulu.

Ramalan Ekonomi tahun 1977

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai ramalan ekonomi untuk tahun 1977. Adalah dijangka bahawa kegiatan ekonomi dalam negeri akan terus kukuh dalam tahun 1977. Keluaran Dalam Negeri Kasar (GDP) dijangka bertambah sebanyak 9% dari segi sebenar, sementara kadar inflasi dijangka akan bertambah sebanyak lebih kurang 5%. Saya percaya dalam tahun 1977 akan wujud perkembangan ekonomi dan kesetabilan harga.

Namun begitu, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat semuanya tentu sedar bahawa ekonomi negara kita ini adalah suatu ekonomi yang terbuka, di mana sektor eksport masih merupakan lebih kurang 50% daripada Keluaran Negara Kasar kita. Walaupun dasar-dasar kita dapat diubahsuaikan, ekonomi negara kita masih banyak dipengaruhi oleh kegiatan ekonomi di negara-negara perindustrian.

Adalah mustahak dan penting bagi kita menyedari hakikat ini, kerana perkara ini banyak mempengaruhi ramalan-ramalan mengenai ekonomi Malaysia. Di dalam membuat ramalan, kita juga menimbangkan anggaran-anggaran yang dibuat oleh pertubuhan-pertubuhan antarabangsa di negara-negara perindustrian yang berdagang dengan kita. Ramalan mengenai kegiatan ekonomi ini mungkin akan berubah tertakluk kepada maklumat-maklumat dan perkembangan-perkembangan yang terbaru. Semasa kita membuat ramalan ekonomi kita untuk tahun 1977, pertubuhan-pertubuhan antarabangsa ini menjangkakan ekonomi negara-negara O.E.C.D. akan berkembang pada kadar 5.5% dalam tahun 1977. Pada ketika ini, timbul pula tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan ini mungkin akan menjadi lebih perlahan. Oleh demikian, melainkan terdapat usaha-usaha untuk menggalakan semula ekonomi negara-negara ini, kadar pertumbuhan ekonomi mereka mungkin akan menjadi lebih rendah daripada apa yang dijangkakan. Satu perkara lagi yang boleh menjejaskan kedudukan ekonomi antarabangsa ialah kemungkinan kenaikan harga minyak oleh negara-negara OPEC. Kesan sebenar kenaikan harga minyak ke atas ekonomi

dunia masih belum dapat dipastikan. Namun, difikirkan bahawa kenaikan harga minyak yang sederhana tidak akan dapat memberi kesan yang buruk ke atas ekonomi antara-bangsa sekarang ini. Walau bagaimanapun, paras harga dijangka akan meningkat, lebih-lebih lagi harga barang-barang yang diimpot oleh negara kita.

Sebarang perubahan pada pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian akan mempengaruhi sedikit-sebanyak paras pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Walaupun kita tidak harus merasa terlalu bimbang terhadap hal ini, kita mestilah berhati-hati dan bersedia untuk bertindak segera sekiranya keadaan memerlukan.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengulangi sebahagian daripada ucapan itu dalam bahasa Inggeris, oleh kerana perkara-perkara yang telah disentuh sekejap tadi merupakan perkara teknikal.

(Dengan izin) I would now like to touch on the outlook for 1977. We expect that domestic economic activity will remain strong and sustained in 1977. The Gross National Product (G.N.P.) is expected to register an increase of over 9% in real terms, while the rate of price inflation as reflected by the Consumer Price Index (C.P.I.) is expected to stabilise at about 5%. There will therefore be economic expansion with price stability.

Honourable Members will however be aware that as Malaysia is an open economy, where the external sector still accounts for about 50% of the G.N.P., we are, despite our diversification policies, still dependent to a large extent on the levels of economic activity in the major industrial countries.

It is important that we clearly appreciate this fact, as this plays an important part in the forecasting of Malaysia's economic performance. Our forecasts take into account economic projections made by international research organisations in the major industrial countries which are our major trading partners. These judgments on the levels of economic activity are of course estimates and are subject to change on the basis of latest data and developments. When we made the forecasts for 1977, the O.E.C.D. countries were expected by these international research organisations to experience a growth of around 5.5% in 1977. There is now some evidence however that this rate of growth may slow down. Unless there is a major

effort to stimulate these economies, the rate of economic growth may turn out to be lower than expected. A further complication in the world economic scene concerns a likely rise in the price of oil by O.P.E.G. The full effect of any oil price increase on the world economy is still therefore not clear although it is considered that a moderate increase in the price of oil, will not have a major impact on economic growth. However, some rise in prices, particularly for oil imports could be expected if oil prices are increased.

Any change in the prospects of growth in the economies of the major industrial countries could affect to some extent the level of growth in Malaysia. However, we need not be pessimistic or unduly concerned, but we certainly need to be cautious, flexible and ready to act promptly in the light of changing circumstances abroad and any consequent implications on our economy.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan kita adalah suatu alat yang dinamis dan boleh diubahsuaikan untuk menghadapi keadaan yang sedemikian. Langkah-langkah belanjawan dan kewangan boleh diambil pada bila-bila masa sahaja jika perlu. Sementara itu pula, kita telah menguntukkan sejumlah wang yang besar, iaitu sebanyak \$4,694 juta bagi mengekalkan pemulihan ekonomi dan menjamin supaya pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga berjalan dengan lebih cepat.

Kadar perbelanjaan pembangunan yang tinggi itu juga akan memberi galakan positif kepada pelaburan swasta yang tidak pulih secepat yang dijangkakan pada tahun ini. Pemulihan yang perlahan ini juga telah disebabkan oleh rosotan ekonomi tahun lalu dan juga disebabkan oleh kelambatan (lags) yang selalu dialami apabila sektor swasta menambahkan pelaburannya untuk melayan permintaan yang semakin bertambah.

Dengan langkah-langkah untuk mengatasi masaalah-masaalah ini, sekarang inipun sudah nampak tanda-tanda yang menunjukkan bahawa pelaburan swasta sedang meningkat. Penyelesaian rundingan di antara Petronas dan Syarikat-syarikat minyak mengenai perjanjian perkongsian pengeluaran minyak dan gas asli, menyakinkan pelabur-pelabur swasta terhadap iklim pelaburan negara ini.

Oleh yang demikian, Kerajaan lebih percaya bahawa pelaburan swasta akan bertambah baik dalam tahun 1977. Pelaburan swasta dijangka akan bertambah kira-kira 10% pada tahun depan. Kerajaan telah berusaha untuk mengatasi masalah-masalah dan keraguan-keraguan pihak swasta dengan harapan akan wujudnya iklim pelaburan yang baik dan persefahaman di antara Kerajaan dengan pihak swasta. Saya menggesa sektor swasta supaya memainkan peranan yang lebih berkesan dalam pembangunan negara.

Rancangan Pinjaman Perumahan untuk Golongan Berpendapatan Rendah

Ahli-ahli Yang Berhormat sepertimana yang telah saya maklumkan baru-baru ini, satu Rancangan Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah akan diumumkan. Pada hari ini, saya dengan amat sukacitanya mengumumkan dalam Dewan ini, bahawa Kerajaan akan malancarkan pada 1hb. Januari, 1977, sebuah Rancangan Pinjaman Perumahan dengan modal sebanyak \$400 juta, yang akan diperuntukkan dari tahun 1977 hingga tahun 1980. Jumlah wang ini akan disalurkan oleh Bank Negara dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada Malaysia Building Society Berhad (M.B.S.B.) yang akan menguruskan Rancangan Pinjaman Perumahan ini, dan memberi pinjaman dengan kadar faedah 5.5% setahun kepada para peminjam yang berhak menurut pertimbangan M.B.S.B. selaras dengan peraturan-peraturan yang diluluskan. Pada tahun pertama, iaitu 1977, rancangan ini akan memperuntukkan sebanyak \$60 juta. Pada tahun-tahun berikutnya, peruntukan tahunan dijangka bertambah kepada \$90 juta, \$120 juta dan \$130 juta. Perundangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Bank Negara akan diubahkan seperti yang dikehendaki. Berikut ini adalah ciri-ciri umum Rancangan ini. Butir-butir selanjutnya dapat diperolehi dari M.B.S.B.

Kelayakan Memohon Pinjaman

- (i) Rancangan ini adalah terbuka kepada ahli-ahli atau para pencari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tanpa mengira paras pendapatannya dan juga kepada rakyat yang berpendapatan tidak lebih dari \$500 sebulan;
- (ii) Harga pembelian rumah termasuk tanah tidak boleh melebihi \$20,000 seyunit;
- (iii) Rumah-rumah yang akan dibeli mestilah daripada projek-projek perumahan

yang diluluskan oleh Malaysia Building Society Berhad;

- (iv) Rancangan ini terbuka hanya kepada rakyat yang masih tidak memiliki rumah sendiri.

Syarat-syarat Pinjaman

- (i) Faedah yang akan dituntut dari para peminjam adalah sebanyak 5.5% setahun;
- (ii) Jumlah pinjaman yang akan diberikan adalah sehingga 90% daripada harga nilai rumah. Bagi ahli-ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, baki 10% dari harga pembelian rumah atau \$2,000 mengikut yang mana yang lebih rendah, boleh dibiayai dengan mengeluarkan wang caruman mereka dari Kumpulan Wang Simpanan itu.
- (iii) Pinjaman ini hendaklah dibayar dalam tempoh 20 tahun atau sehingga umur peminjam sampai 65 tahun, mengikut tempoh mana yang lebih singkat. Bayaran bulanan hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada jumlah pendapatan suami dan isteri.
- (iv) Peminjam dikehendaki membeli insuran mengurangkan cagaran atau mortgage reducing insurance policy bagi menjamin pembayaran pinjaman ini jika ia mati sebelum pinjaman ini selesai dibayarnya.

Dengan ini, adalah diharapkan bahawa pelancaran rancangan Pinjaman ini akan membantu menjayakan matlamat Rancangan Malaysia Ketiga untuk membina 482,800 unit rumah-rumah. Diharapkan juga bahawa rakyat yang berpendapatan rendah akan mengambil peluang ini untuk membeli rumah sendiri agar perbelanjaan sewa rumah mereka dikurangkan. Ini juga membolehkan rakyat yang berpendapatan rendah mendapat pertapakan di dalam ekonomi negara ini, di samping merasai kehidupan mereka lebih terjamin dengan memiliki rumah sendiri. Dalam melaksanakan Rancangan Pinjaman ini, keutamaan akan diberi kepada mereka yang memohon membeli rumah yang berharga di antara \$6,000 hingga \$12,000 dan adalah diharapkan pemaju-pemaju rumah akan mengambil perhatian dan mengurangkan harga-harga rumah untuk menolong rakyat yang berpendapatan rendah.

Melalui rancangan ini juga, Kerajaan bertujuan menggalakkan perkembangan-perkembangan pelaburan swasta dan membanyakkan lagi peluang-peluang pekerjaan

dalam perusahaan pembinaan yang merupakan 35% daripada pelaburan swasta. Rancangan ini dijangka akan menggalakkan lagi pelaburan swasta.

Justeru itu, adalah penting bagi Kerajaan-kerajaan Negeri dan Penguasa-penguasa Tempatan, serta pemaju-pemaju swasta supaya menyambut seruan Kerajaan untuk membina rumah-rumah ini, dan seterusnya membantu menjayakan rancangan pinjaman ini bagi faedah rakyat yang berpendapatan rendah dalam masyarakat kita. Dengan kerjasama daripada semua pihak yang terlibat, saya berasa yakin, bahawa rancangan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah ini akan terus berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Ucapan Belanjawan saya dahulu, saya juga telah memberitahu Dewan Rakyat bahawa satu kemudahan membiayai semula eksport (Export Refinancing Facility) barang-barang buatan di Malaysia akan dilaksanakan berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1977. Kemudahan membiayai semula bagi pengeksport-pengeksport barang-barang buatan di Malaysia pada kadar-kadar faedah yang istimewa ini adalah perlu untuk:

- (a) menggalakkan eksport barang-barang buatan; dan
- (b) memberikan kemudahan kredit yang cukup kepada pengeksport-pengeksport kita pada kadar-kadar faedah yang istimewa untuk membolehkan mereka bersaing dengan lebih berkesan lagi di pasaran antarabangsa.

Ciri-ciri utama mengenai kemudahan ini adalah seperti yang berikut ini, manakala maklumat-maklumat lanjut mengenai rancangan ini akan disediakan oleh Bank Negara dan Bank-bank Perdagangan:

- (i) Kadar diskaun (rediscount rate) Bank Negara akan diubahkan mengikut perubahan keadaan pasaran dan ketentuan dasar matawang, tetapi adalah dicadangkan iaitu kadar faedah yang dikenakan ke atas pembiayaan semula ini ialah sebanyak 4% setahun. Di bawah kemudahan ini, bank-bank perdagangan merupakan badan-badan perantara. Untuk perkhidmatannya ini, Bank-bank Perdagangan dibenarkan mengenakan faedah yang berpatutan sehingga bersamaan 1.5 mata peratusan terhadap kadar diskaun yang telah ditetapkan,

- (ii) Pada permulaannya, kredit yang akan disediakan oleh Bank Negara ini tidak akan melebihi tempoh 3 bulan;
- (iii) Eksport-eksport yang layak mendapat bantuan di bawah kemudahan ini termasuklah semua penggunaan "export usance bills of exchange" yang dikeluarkan oleh pengeksport-pengeksport berhubung dengan penjualan barang-barang buatan di luar Malaysia (kecuali barang-barang buatan dari petroliaam).

Adalah diharapkan bahawa kemudahan membiayai semula yang baru ini akan menggalakkan lagi perkembangan pelaburan swasta dan juga eksport barang-barang buatan.

Izinkan saya menjelaskan kenyataan saya tadi dalam Bahasa Inggeris oleh kerana perkara ini juga agaknya teknikal.

In my 1977 Budget Speech, I informed the Dewan Rakyat that a refinancing facility for the export of goods manufactured in Malaysia would be implemented with effect from January 1, 1977. The case for a refinancing facility for exporters of manufactured goods at preferential interest rates rests on the need to:

- (a) stimulate the export of manufactured goods; and
- (b) provide our exporters with adequate access to credit facilities at preferential rates of interest, to enable them to compete more effectively in international markets.

The main features of the facility are as follows and the details of the scheme will be made available by Bank Negara and commercial banks:

- (i) The rediscount rate of Bank Negara would be adjusted according to changing market conditions and the dictates of monetary policy, but it is intended that the interest rate charged on the refinancing would be 4% per annum. For their services, the commercial banks will be allowed to add a reasonable charge of up to the equivalent of about 1.5 percentage points, to the predetermined rediscount rate.
- (ii) Initially, the credit to be provided by Bank Negara would not be longer than three months.
- (iii) Exports eligible under this facility, would include all export usance bills of

exchange, drawn by the exporter in respect of the sale of manufactured goods outside Malaysia (except for petroleum manufacturers).

It is hoped that this new refinancing facility will further expand private investment and manufactured exports.

Belanjawan Tahun 1977

Hasil belanjawan tahun 1977 ini dianggarkan sebanyak \$6,354 juta mengikut kadar cukai yang ada sekarang. Ini adalah 12.3 peratus lebih daripada kutipan dalam tahun 1976, terutamanya disebabkan oleh jangkauan prestasi atau keupayaan dan pencapaian yang lebih baik daripada keseluruhan kutipan hasil. Perbelanjaan mengurus telah dianggarkan sebanyak \$6,301 juta dalam tahun 1977. Atas asas inilah, kira-kira semasa belanjawan tahun 1977 dijangka akan mencatatkan satu kelebihan kecil sebanyak lebih kurang \$53 juta pada kadar cukai yang ada sekarang ini.

Seperti yang telah saya nyatakan dahulu, sejumlah \$4,694 juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan tahun 1977. Walau bagaimanapun, perbelanjaan sebenar adalah dijangka dalam lingkungan \$3,370 juta. Jumlah yang diperuntukkan itu adalah melebihi peruntukan tahun 1976 dengan sebanyak \$1,477 juta atau hampir 50% dan sebanyak 103% lebih dari peruntukan tahun 1975. Ringkasan perbelanjaan pembangunan yang dicadangkan itu dapat dilihat dalam Penyata Perbendaharaan mengenai Belanjawan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1977 dan salinan-salinan penyata tersebut telah didedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Secara ringkas sebanyak \$2,994 juta telah diperuntukkan bagi Sektor Ekonomi, \$736 juta bagi Sektor Sosial, \$648 juta bagi Pertahanan dan \$116 juta bagi Pentadbiran Am. Sebanyak \$808 juta dari jumlah peruntukan bagi Sektor Ekonomi adalah diuntukkan bagi pertanian dan pembangunan luar bandar. Ini mencerminkan usaha Kerajaan bagi memperbaiki lagi kualiti kehidupan rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, adalah mustahak bagi Kerajaan menyediakan peruntukan yang besar ini kerana pada tahun 1977 kita akan masuk ke tahun kedua Rancangan Malaysia Ketiga, dan dengan itu, usaha-usaha pembangunan sangat perlu dipergiatkan lagi. Semasa menentukan peruntukan ini, Kerajaan telah menimbangankan rancangan dan

keupayaan pelaksanaan agensi-agensi pelaksanaan. Agensi-agensi ini diharap supaya menentukan bahawa rancangan dan projek-projek mereka dilaksanakan mengikut jadual.

Walaupun bagaimanapun, sebagaimana yang saya katakan semasa menyampaikan Ucapan Belanjawan saya di Dewan Rakyat baru-baru ini, perbelanjaan yang besar sahaja adalah tidak memberi makna jika ia tidak memberi kesan atau faedah yang sebenar kepada rakyat. Oleh kerana itu, agensi-agensi Kerajaan mestilah menentukan supaya rancangan-rancangan dan projek-projek itu dilaksanakan dengan cepat, dan bahawa Kumpulanwang ini digunakan dengan sehabis-habis berkesan bagi menghasilkan faedah-faedah yang maksima kepada rakyat. Dalam hal ini, kecekapan mengurus dan mengawal kewangan adalah amat mustahak. Kementerian saya telah mengatur satu seminar sepanjang dua hari bagi Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai-pegawai Kewangan Negeri, Pengurus-pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Ketua-ketua Jabatan yang terlibat dalam pelaksanaan untuk menekankan kepada mereka betapa pentingnya pengurusan dan kawalan kewangan yang cekap dan berkesan dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan kita. Sebagai satu langkah lanjutan ke arah tujuan ini, Kementerian saya dengan kerjasama lain-lain agensi pusat, hampir siap menyusun satu cara untuk memperbaiki lagi sistem mengesan pengeluaran perbelanjaan pembangunan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu masih ingat, semasa mengadakan mesyuaratnya yang pertama dalam bulan Julai tahun ini, Dewan ini telah meluluskan Rang Undang-undang Kumpulanwang Yang Disatukan (Perbelanjaan mengikut Akaun), 1976, untuk memberi kuatkuasa bagi perbelanjaan Kerajaan bagi masa peralihan 1977 sebelum Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1977 diluluskan oleh kedua-dua Dewan dan mendapat Perkenan Diraja pada awal tahun baru. Cara ini adalah mengikut peraturan yang biasa dibuat di masa lalu, di mana Rang Undang-undang Perbekalan hanya diluluskan oleh Dewan ini dalam bulan Januari tahun berikutnya. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, peraturan ini telah diubahsuakan dalam tahun ini. Dengan itu mesyuarat Dewan ini telah diaturnya semula bagi membolehkan Dewan ini membincang

dan meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan, dengan cukup masa untuknya mendapat Perkenan Diraja sebelum akhir tahun ini. Perubahan yang dibuat ini adalah untuk membolehkan agensi-agensi Kerajaan mendapat kuasa, mulai minggu pertama bulan Januari, untuk membelanjakan kumpulan wang perbelanjaan mengurus bagi setahun, dan juga menggunakan perbelanjaan pembangunan yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 10hb Disember, tahun ini. Saya percaya bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa peraturan baru ini adalah lebih teratur dari amalan dahulu.

Cadangan-cadangan Cukai

Saya fikir tidaklah payah diulangkan semula semua cadangan-cadangan cukai yang telah dibentangkan dalam Ucapan Belanjawan saya dalam Dewan Rakyat pada 29hb Oktober, 1976 yang lalu. Secara ringkas cadangan-cadangan yang telah dibuat itu adalah tertumpu kepada kepentingan-kepentingan pembayar-pembayar cukai perseorangan untuk menggalakkan perkembangan perusahaan-perusahaan demi mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketiga; dan untuk menentukan percukaian ke atas mereka yang sepatutnya membayar cukai.

Cukai Pendapatan Atas Perseorangan

Bagi orang-orang perseorangan yang membayar cukai, cadangan mengurangkan bebanan cukai ke atas mereka telahpun dibuat. Mulai tahun taksiran 1977 tiap-tiap pemastautin tetapi tidak termasuk isteri yang bekerja yang memilih untuk ditaksirkan berasingan ke atas pendapatan pekerjaan akan diberi "rebate" sebanyak \$60.00; dan bagi isteri-isteri yang tidak bekerja atau isteri-isteri yang bekerja tetapi tidak memilih untuk ditaksirkan berasingan, Kerajaan telah juga mengambil keputusan untuk memberi satu lagi "rebate" cukai sebanyak \$30.00.

Untuk membantu lagi pembayar-pembayar cukai yang dikenakan cukai pembangunan, cadangan telah dibuat supaya cukai pembangunan dikenakan hanya jika pendapatan pembangunan melebihi \$3,000 atau melebihi \$2,000 bagi rakan-rakan perkongsian. Selanjutnya cukai pembangunan minima tidak lagi akan dikenakan dan syarikat-syarikat atau persatuan-persatuan akan hanya dikehendaki membayar cukai pembangunan 5% jika ada pendapatan atau keuntungan.

Untuk membantu pesara-pesara keputusan telah dibuat untuk mengecualikan semua pencen-pencen yang diterima oleh pemastautin daripada cukai pendapatan mulai tahun taksiran 1977. Selanjutnya Kerajaan telah juga mengambil keputusan untuk meringankan beban cukai atas ganjaran yang dikenakan cukai dengan membahagikan tempohnya kepada paras maksima 10 tahun dan tidak lagi kepada tempoh 5 tahun seperti yang diamalkan pada masa sekarang ini.

Gciakan Cukai Untuk Perusahaan-perusahaan Tempatan

Dalam Ucapan Belanjawan pada 29hb Oktober, 1976 saya telah terangkan bahawa Kerajaan telah mengambil langkah untuk menggalakkan penubuhan pembaharuan dan perkembangan industri-industri terutamanya yang berlandaskan pertanian dan berasaskan bahan-bahan mentah, makanan dan lain-lain industri yang difikirkan perlu. Galakan akan diberi kepada industri-industri ini dalam bentuk elaun susutan tahunan yang dipercepatkan sebanyak 80% atas mesin-mesin dan jentera bagi industri-industri ini.

Untuk membantu pengusaha-pengusaha ini dan memudahkan lebih banyak kemasukan modal dari luar, cukai akan dikecualikan ke atas faedah yang dibayar kepada orang-orang bukan pemastautin bagi simpanan-simpanan atau pinjaman-pinjaman jangka panjang yang dibuat tidak kurang dari 3 tahun mulai 1hb Januari 1977.

Percukaian Koperasi (Syarikat Kerjasama)

Syarikat-syarikat Kerjasama ataupun koperasi yang menikmati pengecualian cukai pendapatan mengikut peruntukan pengecualian cukai yang ada sekarang telahpun maju dan oleh kerana kegiatan-kegiatan mereka yang berubah corak dan keutamaan itu menyulitkan pentadbiran cukai sekarang, cadangan telah dibuat untuk menyesuaikan kedudukan koperasi-koperasi ini dari segi percukaian. Setengah dari koperasi-koperasi yang besar itu tentulah dapat memberi sumbangan mereka kepada hasil Kerajaan. Oleh itu mulai tahun 1977 koperasi-koperasi akan dikenakan cukai mengikut kadar-kadar cukai yang telahpun saya terangkan dalam Ucapan belanjawan 1977 itu. Walau bagaimanapun, ingin saya tegaskan di sini sekali lagi iaitu syarat-syarat telahpun diperuntukkan untuk mengecualikan koperasi-koperasi yang kecil dan koperasi-koperasi

peladang dan nelayan daripada cukai pendapatan.

Cukai-cukai Tidak Langsung.

Selain daripada cadangan-cadangan cukai yang diterangkan tadi, beberapa cukai tidak langsung telah juga diubahkan sebagai langkah menambah hasil serta membantu pengeluaran-pengeluaran barang utama. Peringkat permulaan duti eksport dan sercaj atas barang-barang utama ini telah dinaikkan ke paras harga yang lebih tinggi supaya beban cukai atas perusahaan-perusahaan itu menjadi kurang pada paras harga yang rendah. Penjelasan yang lebih lanjut boleh didapati dalam Ucapan Belanjawan saya yang telah diedarkan itu.

Cukai-cukai kastam dan eksais dan cukai jalan seperti dinyatakan dalam Kertas-kertas Perintah yang telah diedarkan pada hari Belanjawan itu, meliputi barang-barang yang mewah dan separuh mewah sahaja. Kadar-kadarnya tidaklah memberatkan pengguna-pengguna. Sebagai contoh, saya berpendapat tambahan cukai sebanyak 10% atas rokok dan tembakau dan 15% atas minuman-minuman keras adalah berpatutan.

Cukai Perkhidmatan

Cukai perkhidmatan pada kadar 5% atas beberapa perkhidmatan tertentu yang didapati di hotel-hotel dan di rumah-rumah tumpangan yang seumpamanya seperti tempat tumpangan, makanan hiburan dan lain-lain perkhidmatan akan diperluaskan untuk meliputi perkhidmatan yang serupa yang diadakan di lain-lain tempat juga.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengakhiri perutusan saya ini dengan memetik kata-kata Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn di dalam perutusan Belanjawannya ke Dewan yang mulia ini pada awal tahun ini. Beliau menyebutkan bahawa apa yang diperlukan sekarang ini ialah keyakinan daripada semua kalangan dalam ekonomi kita untuk menentukan yang kemajuan berjalan dengan licin tanpa diganggu ke arah pemulihan ekonomi yang diinginkan oleh semua.

Ekonomi negara kita telah meningkat semenjak perutusan Belanjawan itu dan kita sekarang sedang berada di peringkat perkembangan yang lebih pesat. Saya menyeru semua rakyat supaya mengumpulkan seluruh tenaga dan mengambil kesempatan yang disediakan oleh Kerajaan untuk menggalakkan

pertumbuhan ekonomi dengan lebih pesat lagi. Keadaan ekonomi dunia adalah menggalakkan walaupun baru-baru ini timbul sedikit keraguan mengenainya. Kita di Malaysia tetap berasa yalan bahawa keadaan ekonomi negara kita akan terus bertambah baik. Dengan demikian, perutusan Belanjawan ini telah mengemukakan beberapa galakan baru bagi menambahkan lagi pelaburan swasta iaitu melalui rancangan pinjaman perumahan dan kemudahan pembiayaan semula eksport dan Kerajaan juga telah memperuntukkan Belanjawan Pembangunan yang lebih besar bagi mempercepat dan menambahkan lagi pelaburan.

Cadangan-cadangan cukai dalam Belanjawan tahun 1977 adalah sederhana dan strati jik keseluruhannya adalah bertujuan menggalakkan pertumbuhan di dalam konteks kestabilan kewangan untuk mencapai matlamat memperbaiki mutu kehidupan golongan yang berpendapatan rendah dalam masyarakat kita. Kerajaan telah memainkan peranannya dan akan terus berwaspada terhadap perkembangan ekonomi antarabangsa supaya tindakan yang sesuai akan cepat diambil demi mencapai matlamat sosio-ekonomi kita. Kerajaan telah menyediakan berbagai galakan dan kemudahan untuk sektor swasta. Saya menyeru kepada mereka supaya tampU ke hadapan dan memainkan peranan yang lebih dinamis dan dengan kerjasama seluruh rakyat daripada setiap golongan masyarakat. Insya Allah, kita semua akan dapat menempuh tahun baru dengan penuh keyakinan dan keazaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani. (*Tepuk*)

Datuk Haji Othman bin Haji **Abdullah**: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.16 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan ini ialah memberikan sokongan yang penuh kepada Usui yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru sebentar tadi. Saya percaya bahawa sebelum daripada saya memberikan pandangan dan teguran serta lain-lain gemar saya menyampaikan ucapan tahniah dan kepujian atas kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang telah menyediakan satu Belanjawan yang lengkap dan licin yang dapat diterima

oleh rakyat dan tidak menyusahkan rakyat. Saya berkata bahawa dalam Anggaran Belanjawan yang dikemukakan ini bagi pihak rakyat berasa lega sebab beberapa program dan rancangan yang sedang diatur untuk membaiki taraf hidup rakyat pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak bangkitkan dalam ucapan saya ini iaitu Anggaran Belanjawan tahun 1977 berjumlah \$10,995,921,149. Daripada jumlah \$10,000 juta itu, 60% untuk perbelanjaan Mengurus dan 40% untuk perbelanjaan Modal. Menurut hemah saya, banyak wang yang dialirkan dalam Pengurusan dengan Pembangunan atau Modal yang boleh disifatkan kalau kurang cermat, kurang awas dalam Pengurusan walaupun telah diberikan kursus sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi saya khawatir juga bahawa dalam pengurusan itu kalau berjalan dengan keadaan lembab maka kewangan yang kita utunkan kepada pengurusan ini akan menandatangani keborosan kepada negara kita. Saya fikir apa salahnya dalam Anggaran Belanjawan yang akan datang supaya dapat diseimbangkan antara perbelanjaan Mengurus dan perbelanjaan Pembangunan. Dengan keadaan ini saya percaya bahawa pembangunan itu dapat dijalankan dengan lebih pesat dengan lebih luas lagi terutama sekali kita dapat menarik keyakinan dan kepercayaan daripada swasta yang ingin hendak memberikan pelaburannya dalam negeri kita ini

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara Belanjawan ini saya cuba merangkumkan dua sekali—Pengurusan dan Pembangunan, yang akan saya menarik perhatian kepada 8 tajuk. Pertama, keselamatan yang mengandungi pertahanan dan keselamatan dalam negeri. Saya berasa lega bahawa satu perubahan dalam segi pertahanan dalam negeri ini iaitu kita dapat mengadakan satu perjanjian kerjasama pertahanan dengan Kerajaan Indonesia dari segi melatih anggota-anggota pertahanan kita, askar-askar kita dengan Kerajaan Indonesia, dan berapa ramai daripada Angkatan Tentera kita dapat dilatih ke negeri yang tersebut, demikian juga sebaliknya. Ini satu usaha yang sangat baik dapat kita luaskan lagi kepada negara-negara tetangga khususnya dalam negara kawasan Asia Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah keselamatan dalam negeri anggaran yang paling banyak diminta, ini satu perkara yang sangat

menguntungkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sebab tindakan-tindakan yang akan dijalankan untuk mendapatkan keamanan dalam negeri ini ialah berhubung dengan kewangan dan juga segala usaha-usaha yang akan dibuat ialah bergantung dengan kewangan. Kiranya kewangan tidak diperolehi dalam rancangan keselamatan dalam negeri ini saya khawatir bahawa keselamatan dalam negeri kita ini akan terjejas, kiranya keselamatan dalam negeri ini terjejas maka segala usaha pembangunan yang kita atur itu tidak akan berjaya, mungkin akan gagal.

Satu perkara yang saya patut berikan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kita iaitu baru-baru ini Kerajaan telah mengambil tindakan yang tegas menangkap beberapa orang yang mengancam keselamatan dalam negeri kita ini, dengan tidak pilih bulu, termasuklah beberapa orang daripada Timbalan Menteri dan juga ahli-ahli politik daripada politik Kerajaan. Saya suka memberi satu contoh, kalau boleh dapat diikuti oleh Kerajaan-kerajaan Negeri lain iaitu Majlis Keselamatan Dalam Negeri itu dipengerusikan oleh Menteri Besar itu sendiri dan Ketua Menteri sendiri, sebagaimana yang telah dibuat oleh Menteri Besar negeri kami negeri Johor sanggup menangkap, menahan seorang pegawai yang tertinggi di Jabatan Kastam dan juga seorang pegawai tertinggi dalam Jabatan Kesihatan yakni doktor. Langkah yang seumpama ini saya mengharap supaya dapat diikuti oleh negeri-negeri lain kiranya negeri itu menghendaki keselamatan dalam negeri itu berkekalan dan berterusan. Kita patut berasa bangga atas langkah yang dibuat oleh Kerajaan Pusat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga oleh Kerajaan Negeri Johor menahan mereka yang tidak bertanggungjawab yang akan mengancam keselamatan negara pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan bahawa seorang doktor dan juga pegawai kastam dari negeri Johor yang telah ditangkap baru-baru ini telah menerima biasiswa daripada Kerajaan Negeri kami, tetapi Kerajaan Negeri kami tidak teragak-agak demi kepentingan negara kami akan tangkap, siasat dan bawa ke mahkamah. Ini satu perkara yang saya fikir patut. Dengan sebab itulah baru-baru ini berhubung dengan imej Kerajaan Malaysia yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Qnn telah dapat sambutan

yang baik daripada negara-negara jiran terutama sekali di Singapura. Di Singapura bukan sahaja Kerajaan Singapura yang mahu menunjukkan kerjasama dengan Kerajaan yang ada sekarang, rakyat Singapura mengatakan telah memberi kepujian bahawa atas ketegasan, kecekapan Kerajaan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn itu akan mengalirkan satu kerjasama dan menimbang di antara kedua-dua buah rakyat Singapura dengan Malaysia.

Yang kedua, satu pujian yang telah saya terima beritanya daripada rakyat Brunei. Rakyat Brunei juga telah mengatakan atas kebijaksanaan dan kebaikan pemerintahan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, mudah-mudahan dengan adanya perhubungan muhibbah antara dua buah Kerajaan walaupun Brunei di bawah Kerajaan British tetapi rakyat Brunei sentiasa memandang tinggi atas pentadbiran Kerajaan kita yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir di dalam Bahagian Perkhidmatan Masyarakat yang telah meminta peruntukan yang begitu besar daripada Kementerian yang lain, di antaranya, dalam bahagian pelajaran, kesihatan, perumahan, buruh dan kebajikan kebudayaan belia dan sukan. Dalam masalah pelajaran ini saya sangat memberikan sokongan kepada peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan dalam Jabatan Pelajaran ini dan saya nampak bahawa pada saat yang akhir ini ketegasan Kementerian Pelajaran terhadap pelajar-pelajar samada pelajar darjah menengah dan juga pelajar darjah tingkatan tinggi di universiti. Ini satu keadaan yang sangat baik dan dapat kita bendung pelajar-pelajar kita itu sebagai orang-orang yang bertanggungjawab kepada negara ini.

Selain daripada itu, dalam bahagian kesihatan, saya nampak Kementerian ini tidak begitu berjalan dengan sempurna. Walaupun kita ada usaha membasmikan demam denggi tetapi pada saat yang akhir ini telah berleluasa di setengah-setengah daerah pedalaman. Saya mengharap bahawa dengan wang yang diperuntukkan kepada Kementerian ini pada mencegah penyakit yang berjangkit ini dapat disempurnakan dan dapat menenangkan rakyat sekalian.

Selain daripada itu dalam masalah perumahan, kita sangat bergembira atas pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa Kerajaan akan

menyediakan satu peruntukan yang berjumlah \$400,000,000 berhubung dengan perumahan. Ini satu masalah yang sangat difikirkan oleh rakyat dan kita tidak boleh menyalahkan rakyat dengan mengadakan setinggian-setinggian di mana-mana juga tempat oleh sebab rakyat ini telah diresap dengan satu keadaan, mereka juga menginginkan sebuah rumah yang selesa dan sesuai dengan keadaan hidupnya dalam sebuah negara yang merdeka. Saya percaya bahawa dalam masalah perumahan ini peruntukan yang telah dikeluarkan dan juga pinjaman yang akan diberikan, saya harap Kementerian ini daripada Kerajaan Pusat dapat kerjasama yang lebih rapat kepada Kerajaan Negeri sebab berhubung dengan perumahan ini ada kaitan dengan Kerajaan Negeri iaitu dalam masalah pertapakan perumahan itu. Kiranya kita dapat kerjasama yang rapat daripada Kerajaan Negeri, insya Allah, segala rancangan yang kita tuju itu akan dapat kejayaan dan akan dapat dinikmati oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pengeluaran hasil bumi yang mengandungi pertanian, perhutanan, galian dan pembangunan luar bandar, suka saya menyentuh berhubung dengan pertanian. Pertanian ini satu bidang yang sangat diharap oleh penduduk-penduduk luar bandar khususnya daripada kalangan orang-orang miskin. Dengan adanya rancangan yang sangat baik yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam bidang pertanian ini saya percaya satu masa akan datang taraf hidup petani-petani kita di luar-luar bandar akan dapat dibaiki. Saya sangat puas hati bahawa di antara rancangan pertanian, berhubung dengan rancangan FELCRA, rancangan FELDA, rancangan Belia dan Beliawanis, tetapi mengikut usaha yang patut difikirkan oleh Kementerian ini bahawa ada peladang-peladang kita, petani-petani kita tidak berhak dalam rancangan ini iaitu kampung asal mereka tertinggal dengan keadaan bagaimana yang ada sekarang. Saya harap Kementerian ini membuat satu kajian supaya kampung-kampung asal yang mana petani-petani itu mempunyai tanah satu dua ekar akan diberikan peluang kepada rancangan-rancangan pertanian yang diadakan oleh Kerajaan dan Kerajaan patut mengecualikan dalam had-had umur bila mendapatkan tanah dalam sesuatu rancangan yang akan dibuat kelak.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sangat ber-
^angga dalam masaalah hasil negeri kita ber-
lubung dengan perhutanan dan Kerajaan juga
>edang mengambil berat dan menyusun berm-
ngai-bagai rancangan berhubung dengan
perhutanan ini hendak membaikkkan taraf
lidup orang-orang yang ada kaitan dengan
perhutanan ini.

Ada satu perkara yang saya harap Kemen-
erian ini mengambil perhatian dalam masa-
Uah perhutanan. Pernah dalam satu-satu
cawasan perhutanan itu dikuasai oleh satu
jolongan musuh negara yang tidak ber-
anggungjawab, saya sebutkan di sini dengan
erut-terang ada pemerang wang sekiranya
;atu kawasan yang telah diberikan kepada se-
;eorang samada bumiputra atau bukan bumi-
)utra, kumpulan itu akan datang kepada
)rang yang mendapat lesen itu, menuntut
;esuatu bayaran kalau tidak kawasan hutan
rang hendak dikerjakan itu akan diganggu
)leh mereka. Dalam hal ini bukan sahaja
>erlaku di Sarawak, tetapi juga berlaku di
Semenanjung Tanah Melayu. Umpamanya,
;aya katakan dalam kawasan hutan Pahang
fang besar, Perak dan lain-lain kawasan.
Pemerang wang itu mungkin juga ejen
cominis, mereka memeras wang, minta
mkai, kepada siapa yang telah diberi
esen itu dan mereka kena patuh membayar
;ukai, sekali kepada Kerajaan dan sekali
membayar cukai kepada kumpulan ini. Dan
cadangkala pembayaran wang kepada kum-
pulan ini mereka sembunyikan untuk kesela-
natan dirinya, untuk keselamatan hartanya di
dalam hutan itu dan untuk mendapatkan
hasil-hasil yang akan dikeluarkan. Saya harap
[Kerajaan memerhatikan masaalah yang se-
iang berjalan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah
;ari galian, saya harap Kerajaan memberikan
perhatian kepada pemohon lombong dari
golongan bumiputra dan hendaklah mem-
berikan satu latihan serta galakan kepada me-
reka supaya mereka berjaya dalam perusahaan
galian. Saya percaya jika bumiputra samada
perseorangan dan juga syarikat, sekiranya
iiberi peluang mereka akan dapat sama-sama
menikmati khazanah galian yang masih
banyak dalam negara kita. Pada masa se-
karang hasil galian ini kurang sangat di-
tiikmati oleh golongan bumiputra.

Mengenai Kementerian Perdagangan dan
Perindustrian, saya berharap Kementerian ini
tidak sangat gopoh hendak membuat
kawasan-kawasan industri dalam negara ini.

Dan juga jangan terpengaruh dengan tekanan
negara-negara perindustrian sebab akibat-
nya kelak bila negara ini menjadi negara
perindustrian kilang-kilang akan tumbuh di
sana sini dalam tanahair kita dan akibatnya
besar kepada rakyat jelata pertama sekali ke-
kotoran alam sekitar, udara, darat dan sungai.
Ketiga, kekotoran alam tersebut ada kaitan-
nya dengan kehidupan rakyat dan pihak yang
membuat kilang itu walau bagaimanapun kita
buat bantahan dikatakan dia boleh atasi.
Masaalah ini saya bukan menghalang perin-
dustrian itu jangan dibuat dalam negara kita
tetapi Kerajaan jangan sangat terpengaruh
dengan tekanan negara perindustrian, sebab
negara perindustrian sekarang telah bosan
dengan keadaan yang saya katakan tadi iaitu
kecemaran alam. Saya beri contoh, sekarang
di sungai-sungai banyak menjadi sungutan
rakyat luar bandar, mereka minta Kerajaan
dan badan tertentu mengatasinya tetapi
sampai sekarang masalah kecemaran alam
tak dapat diatasi. Saya harap Kerajaan
apabila hendak mengadakan perindustrian
hendaklah dibuat quota, dan ada lebih baik
kita mengeluarkan hasil-hasil mentah sahaja,
kita jual ke luar negeri dan negeri itu yang
akan bertanggungjawab atas kecemaran yang
saya sebutkan tadi.

Berhubung dengan Pentadbiran Am atau
perkhidmatan di jabatan-jabatan. Saya fikir
dalam masaalah ini walaupun Kerajaan telah
mengadakan berbagai kursus di INTAN dan
sebag^inya tetapi tidak juga sunyi sungutan
rakyat mengenai setengah pegawai Kerajaan
yang tidak menjalankan pentadbiran dengan
begitu licin dan begitu jujur dan ikhlas dalam
mengatasi soal projek yang ada kaitan dengan
rakyat. Saya percaya setengah kakitanggm
Kerajaan itu lebih berminat hendak berniaga.
Dengan tanggungan selain daripada perkhid-
matan dengan Kerajaan, dia berniaga
samada dengan terus terang ataupun berse-
lindung dengan anak isterinya. Tetapi walau
macam manapun, jawatannya sebagai pegawai
Kerajaan akan terjejas juga. Saya meng-
syorkan kepada Kerajaan bahawa hendaklah
diberi peluang kakitangan Kerajaan supaya
dipesarakan dalam umur 50 tahun tidak se-
bagaimana sekarang 55 tahun. Setelah bersara
mereka boleh berniaga dan dengan memper-
cepat persaraan itu kita boleh beri peluang
kepada anak-anak kita yang keluar dari
universiti mendapat pekerjaan. Sekiranya
banyak orang yang bersara anak-anak kita
ada peluang bekerja dengan Kerajaan dan
pegawai bersara itu dengan umur 50 tahun

boleh berniaga untuk kepentingan dirinya dan negara. Jika dibiarkan seperti keadaan sakarang had bersara 55 tahun, saya kluatir tugas pegawai Kerajaan itu tidak berjalan dengan begitu licin dan sempurna.

Mengenai bekalan letrik dan air, patut diberi perhatian oleh Kerajaan. Penduduk-penduduk kampung sangat berkehendakkan bekalan air tetapi Kerajaan kurang mengawasi masalah ini dan di setengah kawasan umpamanya di Johor banyak daerah yang patut dibesarkan tangki air dan berkehendakkan perbelanjaan yang besar dan kalau lambat Kerajaan mengatasinya penduduk kampung di Segamat, Muar dan Johor Bahru sentiasa kekurangan air. Di Muar sahaja air hanya boleh didapati kira-kira pukul 12.30 malam, siang tak ada air tetapi mereka membayar cukai yang sama. Walaupun Kerajaan Negeri telah minta bantuan Kerajaan Pusat melalui pinjaman Bank Dunia tetapi sampai sekarang belum dapat dilaksanakan.

Satu perkara lagi dalam masalah letrik yang sangat dihajati oleh penduduk luar bandar, pihak Kerajaan lebih mengutamakan bekalan letrik kepada kampung yang berdekatan dengan bandar ataupun kepada swasta dan kilang. Penduduk luar bandar kiranya diberi bekalan letrik bukan sahaja dapat mereka hidup menikmati kemudahan tetapi boleh mengubah masyarakat dengan menggunakan letrik seperti orang-orang di bandar. Masalah bekalan letrik ini juga mendatangkan kesulitan kepada orang kampung bila pihak L.L.N. menjalankan projek yang melibatkan pokok-pokok dan tanah untuk jalan raya pihak L.L.N. tidak membayar ganti rugi dengan berpatutan. Ini mendatangkan kesulitan kepada penduduk luar bandar kiranya rancangan ini dijalankan di kampung masing-masing. Saya harap pihak Lembaga Letrik Negara dapat mempertimbangkan dengan memberi imbuhan kepada harta-harta yang dilalui kerana rancangan ini.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Luar Negeri dan ada peruntukan yang diminta. Saya cuma hendak bercakap mengenai dasar (policy) sahaja. Saya nampak kegiatan yang dibuat oleh ASEAN sekarang adalah sangat baik dan dapat bekerjasama dan baru-baru ini ASEAN hendak mencegah berhubung dengan pengedaran dadah dalam negara-negara ASEAN. Satu perkara yang saya fikir patut Negara ASEAN ini memikir-

kan iaitu kemasukan orang-orang dalam negara ASEAN, rakyat ASEAN masuk dalam negara ASEAN. Umpamanya, orang Filipina masuk ke Sabah; orang Indonesia masuk ke Sarawak dan ke Selatan Johor. Ini patut negara ASEAN memikirkan bahawa diberikan satu perhatian supaya dapat rakyat ini duduk di Semenanjung atau sebaliknya dengan tujuan untuk pembangunan. Kita tak boleh mengatakan bahawa perkara ini tak terjadi di Semenanjung oleh sebab pembangunannya pesat berhubung dengan tanah FELDA yang akan diteroka yang berkehendakkan buruh-buruh kasar yang ramai. Berapa ramai buruh-buruh haram daripada Indonesia yang dibawa masuk ke tempat ini, tetapi bila diambil tindakan ke atas mereka maka pada satu masa akan datang mereka itu balik semula ke tempat ini dengan tujuan hendak menyiapkan kerjanya. Begitu juga di Filipina. Di Filipina sebagaimana akhbar hari ini menyiarkan bahawa tidak kurang daripada 41,000 orang Filipina berada di Sabah. Kadang-kadang mereka ini boleh menolong membangunkan negeri Sabah walaupun hanya menjadi buruh kasar; kita hukum dan membawa mereka ke mahkamah, kita hantar balik ke kawasannya. Mereka tak mahu balik, biar mati di Sabah. Jadi masalah yang semacam ini patutlah kita kaji balik berhubung dengan penempatan orang-orang ASEAN dalam negara ASEAN demi untuk menjaga pembangunan negara kita.

Di negeri Sabah hanya 60,000 ekar yang boleh ditoreh daripada 260,000 ekar kebun getah yang sepatutnya. Pada masa ini kita ambil orang-orang daripada Indonesia atau Filipina dilatih menoreh getah. Tanah getah yang ada sekarang yang tidak bertoreh sebanyak 200,000 ekar di Sabah sahaja. Ini kita boleh toreh dan kita boleh dapat hasil untuk negara kita. Saya memandangkan perkara ini patut negara ASEAN mengkaji berhubung dengan penempatan orang-orang secara bermastautin di negara-negara jiran.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

4.44 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh, Menteri Kewangan Malaysia yang baru serta pegawai-pegawai di dalam Kementeriannya

kerana membuat Budget begitu teratur dan juga mengenakan cukai barang-barang atau benda-benda yang tidak digunakan oleh orang-orang yang bergaji rendah dan miskin. Kebanyakan cukai-cukai ini ialah untuk orang-orang kaya dan orang-orang yang berniaga sahaja. Saya suka bercakap mengenai

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 445 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5J2 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

5.13 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tengku Tan Sri Razaleigh Menteri Kewangan Malaysia yang baru serta pegawai-pegawainya di dalam Kementerian itu sebab membuat budget yang begitu teratur dan juga mencukai barang-barang atau benda-benda yang tidak digunakan oleh orang-orang yang bergaji rendah dan miskin, kebanyakan cukai-cukai ini ialah untuk orang-orang kaya dan orang-orang yang berniaga sahaja.

Saya suka bercakap berkenaan dengan Cooperative Society. Pada pendapat saya tujuan Cooperative Society sekarang dengan Cooperative Society semasa penjajah British dahulu sudah jauh bezanya. Semasa kita di-jajah dahulu tujuan Cooperative Society ialah berjimat cermat dan tolong-menolong. Rakyat atau orang-orang kampung diminta menubuhkan Syarikat Kerjasama dan menyimpan wang, apabila sudah banyak, boleh dipinjam dan diperniagakan sama-sama sendiri. Sekarang lain, sudah boleh membuka perniagaan yang besar-besar dan sudah banyak pula cawangan-cawangannya. Saya beri tahniah kepada Kerajaan dan pejabat yang berkenaan kerana syarikat-syarikat kerjasama sekarang, telah banyak membuka perniagaan seperti membeli estet-estet dan pula dalam masa lima tahun tertubuhnya

syarikat itu tidak pula dikenakan cukai pendapatan dan pula dividen-dividen yang diberi kepada ahli-ahli dan remuneration kepada Pengarah-pengarah tidak pula dicukai. Ini syabas.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan berkenaan dengan rebate \$60. Di sini saya sukalah memberitahu berkenaan dengan rebate ini—nampaknya Menteri ini sememang hendak menolong rakyat. Di dalam Mesyuarat Agong UMNO bahagian saya Bahagian Kepong sendiri telah mengemukakan kepada Kerajaan supaya dipinda berkenaan dengan cukai pendapatan hari ini Alhamdulillah, dengan adanya Menteri Kewangan yang baru kita akan dapat rebate.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya dapati sebanyak \$6,300 juta untuk Pengurusan dan cuma \$4,600 juta sahaja untuk Pembangunan ekonomi, sosial, pertahanan, pentadbiran, pertanian dan pembangunan luar bandar. Saya rasa Kerajaan mestilah timbangkan semula. Pengurusan sampai \$6,300 juta ini hendak buat apa? Wang ini ialah untuk membayar gaji kakitangan-kakitangan Kerajaan. Ini terlampau banyak. Kalau Kerajaan hendak ikutkan juga belanja ini saya merayu (appeal to the Government) kita mesti adakan supervision to our employees. Kita mesti jalankan disiplin kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan. Kalau masa bekerja pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang ini mesti dijalankan, kita tidak mahu seperti yang berlaku sekarang datang 8.30 pagi balik 3.30 petang. Dengan demikian semua rakyat akan mendapat kesusahan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya suka bercakap ialah berkenaan dengan Ibrahim Ali Report. Saya merayu kepada Kerajaan, bayar sebagaimana yang dikehendaki oleh Ibrahim Ali Report itu, tetapi no more pay commission—this is the last, I hope. Sudah empat kali pay commission, Suffian Report, Aziz Report, Harun Report dan Ibrahim Ali Report. Apa orang-orang kampung dapat? Kami Wakil-wakil Rakyatlah yang kena tempelak, apabila Senator pergi ke kampung; saya sendiri kena soal. Tiap-tiap kali pergi ke kampung saya sendiri kena soal: Senator, apa kami dapat? Kerajaan tak lain tak bukan menimbangkan gaji kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Dewan Negara ini tidak membahaskan perbelanjaan bagi satu-satu Kementerian, sebagai Dewan Rakyat, maka saya sukalah bercakap berkenaan dengan beberapa Kementerian. Pertama, ialah berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri. Pada hemat saya, jika kominis, anti national, dadah dan corruption hendak dihapuskan di negara ini, tidak cukup dengan kawalan ketat sahaja. Kerajaan mesti adakan dakwah agama, bukan sahaja kepada orang-orang Melayu, tetapi kepada semua bangsa yang ada di negara ini, besar, kecil, tua dan muda. Orang-orang dewasa di masjid-masjid, di church, di kuil-kuil, di tokong-tokong dan di temples. Dakwah yang saya katakan itu ialah dakwah agama. Saya sudah berjalan ke temples, masjid, kuil-kuil, cuma tiga agama sahaja yang mengadakan syarahan agama (preaching), iaitu UGAMA ISLAM di masjid tiap-tiap hari Jumaat; agama Christian di church tiap-tiap hari minggu, agama Sikh di templenya tiap-tiap minggu, selain daripada itu tidak ada member*ⁱ syarahan agama. Jadi mereka tidak pernah mendengar syarahan agama. Mereka jadi kominis, anti-national, mengedar dadah dan sebagainya. Saya merayulah kepada Jabatan Perdana Menteri, tolonglah banyakkkan dakwah agama dan hantar pensyarah-pensyarah agama ini kepada temples, kuil-kuil dan tokong-tokong yang tidak pernah mendengar syarahan agama. Those who believe in religion, believe that there is a God, they are loyal to the King and respect the Law and obey the customs of that country, and these people who believe in religion, will never become communists, anti-national or drug-pushers and corrupt, because they know that there is a God to punish them in this world and in the next world when they die, they will go to hell.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan kepada Jabatan Perdana Menteri, bahawa Rukun Tetangga, sudah wajib ditubuhkan di tiap-tiap kampung, mukim, dan di negeri kerana di mana-mana kawasan yang telah ada Rukun Tetangga tidak ada lagi berlaku kecurian, penghisapan dadah, anti-national dan juga kominis. Mereka sudah lari ketempat-tempat yang belum ada Rukun Tetangga. Misalnya, di kawasan saya,

dahulu memang banyak berlaku tetapi apabila Rancangan Rukun Tetangga dijalankan, di kawasan saya tidak ada lagi kejadian seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan. Saya sangat-sangat berbesar hati, bahawa Dewan Bandaraya akan mendirikan beribu-ribu rumah murah di Cheras, Kuala Lumpur yang mana sekarang sedang dibina. Tetapi apa yang mendukacitakan saya, ialah pengeluaran borang-borang sepatutnya tidak dikeluarkan lagi, kerana Dewan Bandaraya sudah tahu berapa banyak orang-orang yang duduk di rumah-rumah haram di dalam Wilayah Persekutuan ini. Apa yang dibuat oleh Dewan Bandaraya, bila rumah-rumah itu siap nanti, beri kepada orang yang duduk di dalam rumah haram itu. Jikalau dikeluarkan borang, saya percaya orang-orang yang duduk di rumah haram itu tidak akan dapat rumah yang dibuat oleh Kerajaan itu, tetapi orang-orang yang kaya sahaja yang dapat, kerana wangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya merayu (appeal) kepada Kerajaan, pada masa-masa yang akan datang peruntukan yang lebih banyak hendaklah diberi kepada Kementerian ini. Sebab kita tahu di dalam negara kita ini 60% adalah terdiri dari belia-belie. Belia-belie ini pula terbahagi di dalam berbagai-bagai persatuan, Belia 4B, Pengakap, Pandu Putri, Bulan Sabit Merah, St Johns dan lain-lain, semuanya ini berkehendakkan peruntukan tahunan. Kalau dengan peruntukan yang ada sekarang saya tengok tak mencukupi. Saya harap pada tahun 1978 tolong beri double, kalau banyak wang diuntukkan kepada Kementerian ini, belia-belie kita boleh dihantar keluar negeri sambil belajar. Begitu juga, Belia-belie Pelupur Negara, boleh pula ditambah bilangannya, kerana kita tahu, pada tiap-tiap tahun beribu-ribu murid-murid Melayu yang tak lulus LCE, murid-murid ini bolehlah dimasukkan dalam latihan-latihan belia, diajar dengan bermacam-macam pelajaran supaya mereka jadi rakyat yang berguna dan boleh berdiri di atas kakinya sendiri. Begitu juga peruntukan kepada persatuan-persatuan ini boleh ditambah 75% dari peruntukan yang ada sekarang. Kita tidak mahu lagi tengok tiap-tiap tahun persatuan-persatuan ini meminta sedekah kepada orang-orang yang lalu lalang di bandar-bandar, pergi ke pejabat-pejabat dan ke gudang-gudang meminta derma dan

meminta sedekah dan masa terbuang dengan mengutip derma-derma ini. Walhal tujuan mengadakan St. Johns, Pengakap, Pandu Putri. Persatuan Belia dan lain-lain ialah untuk memberi pelajaran pertolongan cemas dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada Kementerian Pertahanan yang banyak sekali peruntukan dalam tahun 1977. Saya seorang bekas perajurit, maka saya merayu kepada Kementerian ini, yang banyak mengeluarkan tender-tender tiap-tiap tahun, tolonglah utamakan syarikat-syarikat dari persatuan bekas perajurit seperti PAHMAL, PESTI dan juga dari bekas-bekas perajurit yang telah membuat syarikat-syarikat yang bermacam-macam nama asalkan ada dari permohonan Ex-Services, tolonglah layan permohonan mereka, ketepikanlah permohonan orang-orang yang bukan dari Ex-Service. Saya takut kalau tidak dilayan permohonan-permohonan mereka, mereka ini mudah merajuk, kerana banyak yang berjumpa dengan saya mengatakan mereka sudah fed-up minta tender tidak dapat. Jadi, saya merayulah kepada Kementerian Pertahanan dan juga Jabatan-jabatan Kerajaan, tolonglah utamakan permohonan tender-tender daripada Ex-Service.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula kepada Kementerian Perhubungan. Saya merayu kepada Kementerian ini supaya merobohkan segala quarters yang ada di Sentul dan Sentul Pasar, kerana quarters ini tidak sesuai lagi sebagai tempat kediaman pekerja-pekerja (human being). It is fit only for animals. Quarters itu kecil, di situ pintu masuk, di situ pintu keluar, tempat masak di hadapan bilik orang datang (tetamu), bilik makan dan bilik tidur satu sahaja dan lagi sudah lebih 60 tahun lamanya quarters di Sentul itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya merayu pada Kementerian ini tolonglah beli bas-bas dan taruhkan di airport seperti di negeri-negeri lain. Kita di sini semua airport tidak ada bas. Bahara-baharu ini saya menerima komplek masa huiian di Kota Bharu, Kelantan orang hendak balik ke Kuala Lumpur, basah kuyup sebab tidak ada bas. Jadi kalau ada bas dapatlah penumpang-penumpang kita ini dibawa dengan bas pergi ke Lapanganterbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan

Wilayah. Kerajaan tahu ada tercatat dalam Buku Hijau Rancangan Malaysia **Ketiga** iaitu 70% of the Malays are **poor di tanah** airnya sendiri, oleh itu I appeal to the Government, khususnya Kementerian ini:

- (i) Membeli segala estet orang-orang **asing** yang ada di negara **ini dengan harga** yang **berpatutan dan dijual balik** kepada pekerja-pekerja di ladang **itu**. Kepada orang-orang Melayu yang tinggal di sekeliling ladang itu **iaitu** 6 ekar seorang dibayar beransur-ansur dalam masa 20 **tahun. Kalau ini dapat** dijalankan lama-kelamaan **all the estates will belong to our people.**
- (ii) Saya merayu kepada Kementerian ini, pada masa akan datang **FELDA akan** memberikan kepada semua **orang yang** tidak ada tanah, Melayu **China dan** sebagainya iaitu diberikan kebun 5 **ekar** seorang; dan satu ekar untuk dusun dibuat serupa dengan Rancangan FELDA juga tetapi bezanya **FELDA** menguntukkan 8 ekar dan ditemuduga pula. Kita tidak mahu temuduga siapa-siapa sahaja orang kita, orang Melayu, China dan India yang tidak ada **bertanah** dan tidak ada rumah tolong diberikan. Kita tahu orang-orang Melayu kita petani tetapi mohon tanah untuk pertanian, very hard to get. Jadi, saya merayu kepada Kementerian ini buat satu special scheme under **FELDA**, for all Malays and for those who need them for cultivation and livelihood. Jikalau ini dapat dibuat oleh Kementerian ini saya percaya dalam masa 10 tahun orang-orang Melayu dan bangsa-bangsa lain akan ada rumah sendiri dan t'mah sendiri dan kita tidak mahu lagi tercatat di dalam any book, kita tidak mahu. Tengok lagi 70% orang Melayu miskin di dalam negara ini.

Yang akhir bagi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah juga. Saya tahu tidak kurang dari 1 juta ekar (one million acres) tanah di merata Malaysia ini diduduki secara haram, orang buat rumah secara haram. Jadi, saya merayu kepada Kementerian ini, kita tidak mahu lagi bagi orang-orang ini duduk di tanah itu melainkan bayar TOL, minta orang-orang ini bayar \$20 setahun. Kerana saya tahu dan saya telah menjelajah ke tanah-tanah haram di daerah Wilayah Persekutuan ini banyak yang ada motokar Mercedes, ada taliixm, ada radio tetapi duduk free, seperti lampu free,

air free, jalan free dan jamban pun free. Jadi kita minta kepada Kementerian ini sesiapa yang duduk di tanah Kerajaan must pay \$20 TOL. Kalau kita kira satu juta kita boleh dapat \$20 juta setahun. Inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya kepada belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi, saya menyokong sepenuh-penuhnya untuk diluluskan.

5.28 ptg.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan:

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam membincangkan Akta Perbekalan 1977 yang mana telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita sebentar tadi. Saya mengucapkan syabas di atas Belanjawan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada tahun ini kerana kebanyakannya tidak menyakitinya rakyat yang susah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah membincangkan perbekalan ini, biarlah saya menyentuh satu dua Kementerian yang saya tahu rungutan ada disampaikan kepada saya. Yang pertama, ialah Yang Berhormat Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam iaitu berhubung dengan Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban yang mana Lebuhraya ini sepatutnya telah siap tetapi baharu-baharu ini didengar pula bahawa pemborong yang membuat Lebuhraya ini tidak sanggup hendak siapkan. Ini satu perkara yang sangat menyedihkan. Dalam pada itu beberapa masalah penduduk-penduduk yang terlibat di Lebuhraya ini menimbulkan beberapa rungutan terutama di kawasan Seremban. Suka saya menyatakan dan saya mintalah Kementerian Kerjaya, tolong tengok dan tolong ambil tindakan apa yang saya cakapkan ini, serta ambil perhatian untuk kebajikan rakyat di kawasan itu.

Saya bercakap begitu kerana perkara ini sudah dibawa dalam Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah Seremban, dipanggil kontrektornya sekali. Jawapannya, dia akan buat, dia akan sempurnakan dan dia akan lakukan kesempurnaannya kerana tempoh penyiapan lebuhraya ini belum sampai, tetapi akhir-akhirnya pada hari ini saya dengar berita bahawa kontrektor itu sudah hendak lari. Apa yang menimpa kepada penduduk terutama penduduk di kawasan yang terlibat iaitu Kampung Kering, Kampung Jerangkang dan Kampung Momo,

Labu. Tiga kampung ini terlibat sehinggakan tanaman-tanaman mereka musnah disebabkan oleh ban yang dibuat untuk jalan itu tidak ada jalan air yang boleh mengalih diempang oleh ban jalan yang tersebut, jadi airnya bertakunglah di sebelahnya sehingga memamatkan pokok-pokok tanaman orang di sekelilingnya. Walaupun tanah yang dibuat jalan itu sudah dibayar tetapi tanaman yang baru dirosakkan oleh kerana air ini tidak dibayar. Saya fikir kerana semasa membuat pelannya dahulu akiteknya barangkali duduk merangka atas meja sahaja, tidak pergi betul-betul ke tempat-tempat yang patut dilalui oleh jalan itu untuk menengokkan masalah-masalah yang timbul, cuma dia buat di atas meja. Di atas meja itu kedudukan tanahnya daripada Kuala Lumpur sampai ke Seremban sama rata sahaja, tidak ada bukit tidak ada lurah dan tidak ada gaung tetap yang sebenarnya kedudukan tanah itu ada bukit, ada gaung, ada lembah. Akibatnya jalan ini siap dan yang menderita ialah orang kampung. Orang kampung tidak boleh menggunakan jalan ini kerana tidak ada jalai hendak naik ke atas tebing, lebih-lebih lagi orang yang duduk di tepi tebing itu tidak boleh naik. Kalau dia melalui dengan menggunakan jalan atas Lebuhraya itu mungkin dia akan dilanggar oleh kenderaan yang melalui jalan itu. Perkara ini boleh berlaku. Adakah jalan bawah tanah yang dibuat. Saya jempu pihak J.K.R. Persekutuan datang melihat jalan bawah tanah yang dibuat itu yang akai dilalui oleh penduduk di sekeliling kawasan itu samada benar-benar jalan ataupun paya kerana lumpurnya sedalam 2 kaki tidak dapat ditarik.

Kalau saya bercakap ini barangkali main-main ataupun temberang, saya jempu lagi samada Kementerian Kerja Raya ataupun Jabatan Kerja Raya Persekutuan datang melihatnya. Sebaik-baiknya akan datang rasmi saya kalau rancangan ini adalah rancangan Persekutuan, patutlah juga Jabatan Kerja Raya Negeri diberi kuasa untuk sama-sama melihat projek itu berjalan kerana kalau ditanya kepada Jabatan Kerja Raya Negeri atai Daerah, dapat ianya memberi jawabnya ini bukan tanggungjawab saya, ini tanggungjawab J.K.R. Persekutuan. Bila disebut J.K.R. Persekutuan ini yang malangnya dihantar surat tidak mahu menjawabnya. Kalau hendakkan buktinya bolehlah datan berjumpa dengan saya, saya boleh berikan buktinya berapa kali wakil rakyat yang

rlibat dalam perkara ini telah mem-
ritahu kepada pihak Kementerian tentang
J ini, tetapi sehingga hari ini belum dapat
wapan. Saya tidak tahulah kalau hari se-
alam atau kelmarin Yang Berhormat Datuk
aji Abdul Ghani Gilong ada pergi ke
sreman saya tengok dalam suratkhbar
iri ini, malangnya saya sudah ke Kuala
impur, barangkali sudah dijawab di
reman, tidak tahulah saya, tetapi sebelum
ya datang ke Kuala Lumpur perkara ini
lum lagi dijawab.

Berkenaan dengan lebuhraya ini juga
Kigan lambatnya siap, jalan Seremban ke
antin pun sama terlibat. Kalau pegawai-
gawai balik menempuh buMt Mantin akan
mpaklah apa yang saya katakan ini. Saya
rap kalau tidak dapat hendak disiapkan
longlah timbunkan lubang-lubang yang ada
tengah kaki dalamnya atau dua kaki lebar-
a itu tolong tembunkan sebelum ia meragut
awa. Saya merayu kepada pihak Kemen-
ian tersebut kalau belum dapat di-
tupurnakan tolonglah tampal mana-mana
lan yang ada lubang sedikit itu supaya
lak merbahaya kepada pemandu-pemandu
ng melalui jalan itu kerana lori-lori balak
i tidak kira siapa, dia sapu terus. Kita
ndak mengelakkan lubang itu harus kena
la lori balak. Saya harap dengan ehsan
menterian; saya meminta benar-benar.

Tuan Yang di-Pertua, ada perkara yang
ndak saya sebutkan di bawah Kementerian
smajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah,
api berkait dengan Perbendaharaan, iaitu
kai pembangunan kepada peneroka
iLDA. Saya harap cukai pembangunan ini
kaji semula cara perlaksanaannya. Bukan-
l mereka itu tidak mahu membayar cukai
mbangunan ini tetapi cara perlaksanaannya
a bezanya. Kalau cukai pendapatan diper-
tukan suami sekian, isteri sekian, anak
ng pertama sekian, anak yang kedua hingga
lima sekian. Tetapi cukai pembangunan
gi peneroka FELDA ini ditetapkan satu
ndapatan yang tertentu, misalnya \$3,000
makala peneroka itu mendapat \$3,000
mada dia sudah tolak atau tidak, cukainya
6 daripada \$3,000 itu, bererti \$150. Kalau
neroka ini mendapat \$3,000 bererti \$1,200
-oirang-kurangnya dibayar kepada FELDA.
patutnya dia cukai 5% yang \$1,800 itu ada
ga menasabah tetapi ini tidak, \$3,000 itu
cukainya 5%. Saya harap perkara ini pihak
rbendaharaan tolong kaji kerana kalau
ndak dituntut janji Menteri Kewangan

kita sudah tanya tidak ada lagi, iaitu Yang
Berhormat Tun Tan Siew Sin. Pada masa
dahulu beliau sudah mengaku hendak kaji
tetapi sekarang beliau sudah tidak ada lagi
duduk dalam Kementerian Kewangan, jadi
tidak elok dibangkitkan perkara itu lagi.
Saya haraplah perkara ini dikaji semula.

Berkenaan dengan Kementerian Kemajuan
Tanah dan Kemajuan Wilayah ini, walaupun
Kementerian ini tidak ada mempunyai kuasa
berhubung dengan tanah-tanah kerana kuasa
tanah ini ialah di bawah Kerajaan Negeri
tetapi rasa saya bolehlah dia menasihati. Apa
yang saya hendak cakapkan ini berhubung
dengan cukai tanah. Pada tahun 1969 dahulu
saya difahamkan perundingan semua Ketua
Menteri dan Menteri Besar supaya seluruh
negeri menaikkan cukai tanah dengan kadar
yang ditentukan. Nasib orang Negeri Sembilan
kurang baik Kerajaan Negeri Sembilan mula-
mula menaikkan cukai, kemudian kalau tidak
silap saya Kerajaan Pulau Pinang, lepas itu
Kerajaan Negeri yang lain senyap-senyap
sahaja. Jadi, kami rakyat Negeri Sembilan
dan Pulau Pinang ini menderita. Bayarannya,
kalau tanah bandar, bererti kalau tanah itu
dalam gerangnya disebutkan bandar, tiap-tiap
1,000 kaki persegi cukainya \$10. Misalnya,
sama cukainya di Jalan Tuanku Abdul
Rahman dengan lapan batu di Lflu Kelang.
Perkara ini patutlah Kementerian Kemajuan
Tanah dan Kemajuan Wilayah, kalau dapat
berunding balik dan mengkaji semula perkara
ini. Tetapi malang, kalau saya cakap barang-
kali mudah dijawab oleh Yang Berhormat
Menteri kerana pengkajian cukai semula
katanya: 15 tahun baru boleh dikaji, kalau
mengikut Kanun Tanah Negara, kita pinda-
lah balik Kanun Tanah Negara itu dengan
cepat supaya dapat dikaji semula berkenaan
cukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada
Kementerian Pelajaran. Perkara ini sedikit
dan kecil benan, tetapi kalau saya tidak cakap,
tidak sedap. Bahawa tahun ini adalah malang,
bahawa Hari Raya Haji pada 1-12-76 jatuh
sama dengan hari peperiksaan. Yang Berhor-
mat Menteri Pelajaran tidak berani mem-
batalkan peperiksaan itu. Sepatutnya ia
menghormati lebih hari kebesaran. Apa salah-
nya dibatalkan peperiksaan pada satu Hari
Raya Haji itu? Ini saya sangat berasa kesal
di atas perbuatan ini, tidak dapat dipinda,
tetapi Kerajaan kita mengakui bahawa ugama
Islam adalah ugama rasmi negara ini, maka

Hari Raya adalah satu hari kebesaran orang-orang Islam yang terbesar sekali. Jadi, anak-anak kita yang mengambil peperiksaan itu tidak tentu arah, samada hendak menjawab soalan peperiksaan atau hendak merayakan Hari Raya Haji. Perkara ini, saya harap pada masa yang akan datang supaya janganlah berlaku lagi. Yang sudah berlaku, apa boleh buat. Perkara Hari Raya Haji ini hendak dicakap, kalau dicakap pun susah, kerana menyentuh Duli Yang Maha Mulia, tetapi saya pun pelek dan hairan juga, bagaimana keadaan boleh bertelingkah sampai begitu. Dalam perutusan akan diberitahu bahawa Hari Raya Haji selewat-lewatnya satu hari sebelum hari wukuf, tetapi diberitahu, Warta Berita TV pukul 8.30 menyiarkan berita itu, tetapi tidak sampai 24 jam. Amalan begini bukannya salah Duli Yang Maha Mulia Raja-raja, saya tidak menyentuh. Ini salah pentadbir, salah kakitangan—cuai. Saya tahu kerana saya sudah pergi ke Mekah, bahawa orang wukuf sekurang-kurangnya empat hari lagi telah tahu di Mekah, apa kerja Duta kita di Saudi Arabia. Tidurkah? Tidak boleh beritahu dengan segera. Ini masaalahnya barangkali sahaja tidak hendak ambil tahu berkenaan hal ini, tidak tahulah saya. Walhal setahu saya empat hari atau seminggu lagi hendak wukuf, kita sudah tahu kerana Kerajaan Saudi Arabia menengok anak bulannya pada 1 haribulan haji. Mereka sudah tahu sekian haribulan wukuf, kerana tujuh haribulan haji biasanya ia membasuh Kaabah, Tentu Duta kita dijemput. Mengapa Duta kita tidak boleh beritahu di sini mengatakan Hari Raya Haji jatuh sekian haribulan.

Saya juga hendak sentuh berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya setuju apa yang dinyatakan oleh saudara saya Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Yaacob supaya ditambah peruntukan ini, saya bersetuju. Tetapi saya harap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan membuat benar-benar rancangan kebudayaan yang telah kita laung-laungkan beberapa tahun dahulu berteraskan kebudayaan Melayu. Tetapi dari segi amalan, rasa saya tidak nampak. Misalnya, pada akhir bulan Julai tahun ini ada Pesta Wau dan Gasing diadakan di pekan di Raja Pekan. Nyaris-nyaris memalukan Duli Yang Maha Mulia Sultan kerana layanan Kementerian ini kepada peserta tidak memuaskan. Kalau Pasukan Bola kita beri peruntukan kelas satu semasa mengadakan pesta, mengapa Pesta Wau dan Gasing tidak boleh diberi peruntukan begini? Ini kerana wau

dan gasing adalah kebudayaan Melayu. Saya harap Kementerian ini mengambil berat sedikit, janganlah difikirkan kerana yang mengambil bahagian wau dan gasing itu terdiri dari petani-petani, memadailah diberi tambang bas, cukuplah mereka dengan girang hati untuk datang hendak menunjukkan kesenian dan kebudayaan, tidak payah beri mereka wang poket dan beri makan dengan cara ada makan sahaja, termasuk tempat tidur, rasa saya ada peserta yang tidur di surau. Jikalau seliranya tidak sanggup dikelolakan, terus jangan dibuat. Pesta itu diadakan di Pahang dan yang mengelolanya ialah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, bukannya Kerajaan Negeri Pahang. Tempatnya sahaja di Pekan, Pahang sehingga menyentuh keadaan negeri Pahang. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu, walaupun beliau daripada Negeri Sembilan—tidak apalah, saya hendak usik sedikit, biar dia ingat.

Satu perkara lagi mengenai kursus diadakan di Kelantan masa itu musim tengkujuh di Kelantan. Ini pelek dan ajaib rasa saya. Hendak dikatakan mereka ini tidak tahu ramalan kaji cuaca, hari-hari diberitahu. Di adakan juga kursus, nyaris-nyaris peserta daripada Negeri Sembilan tidak dapat berhariraya di kampungnya, kerana tamat kursus pada 28 haribulan, dan oleh kerana tidak sabar, mereka balik juga hari itu, tidur di Kuala Trengganu. Pukul 9.00 berlepas dan terpaksa menolak kenderaan di 15 tempat kerana banjir. Esok pada pukul 8.00 pagi warta berita menyatakan bahawa perhubungan antara Kuala Trengganu/Kemaman putus. Jadi, peserta-peserta dari Negeri Sembilan sudah baka kemenyan kerana tersemamat dapat berhariraya di rumahnya. Saya harap Kementerian yang berkenaan, kalau membuat rancangan itu tengok-tengoklah sedikit dengan keadaan. Kalau wang itu berlebih, biarlah diadakan daripada awal, janganlah sudah akhir tahun baharu hendak diadakan. Perkara ini bukan sahaja berlaku pada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan malahan juga pada Kementerian-kementerian yang lain. Kalau pada bulan Disember baru hendak diadakan peruntukan untuk bual jalan kampung, masa itu biasanya musim tengkujuh. Kemudian tuntutan mesti sampai pada 23 haribulan kepada Perbendaharaan, kalau tidak, tidak boleh dibayar. Jalan yang hendak dibuat pada 10 haribulan, terpaksa Peiabat yang berkenaan bual tuntutan dahulu. Perkara ini memang berlaku,

dan patutlah diakui oleh pihak yang berkenaan. Kalau tidak, saya cabar pihak B.S.N. tidak bertindak atas perkara ini. Perkara ini jangan diapi-apikan saya, jadi perkara yang saya cakapkan ini adalah perkara yang benar.

Selepas itu dibuatlah jalan dengan alakadar pada 30 haribulan, cek bayaran pun siap dan pemborong pun menerima cek tersebut maka jalanraya pun siaplah setakat mana yang siap. Tahun hadapan orang kampung bising lagi. D.O. kata tak boleh dibuat jalan; tahun sudah baru dibuat jalan, macam mana tahun ini hendak dibuat lagi. Saya berharap berhubung dengan jalan-jalan kampung ini, kalau boleh Kementerian Kerjaraya mengadakan satu badan khas dan peruntukan khas sebagaimana peruntukan dibuat kepada kampung-kampung baru, maka patutlah kalau had ini kita mengadakan Kemanterian Perumahan dan Kampung Baru, rasa saya sampailah masanya pula pihak Kerajaan mengadakan satu bahagian khas di bawah jagaan Kementerian Kerjaraya untuk menjaga jalan-jalan kampung yang ada berselerak di seluruh tanahair. Yang susahnyanya, jalan kampung ini mengikut amalan masa penjajah dahulu bahawa jalan-jalan kampung ini dinamakan jalan D.O. Jalan ini tidak banyak masa itu, tetapi kerana kepesatan pembangunan negara kita ini, beberapa buah kampung baru di tepi kampung lama telah dibuka. Yang anihnyanya J.K.R. tak mahu mengaku jalan kampung itu jalan dia kerana sukatan jalan itu tidak sesuai, tidak mengikut ukuran perancang bandar, tetapi pelan-pelan tanah tak diketahui siapa yang membuatnya samada perancang bandar atau perancang hutan yang membuatnya. Orang yang memohon dan mendapat tanah itu pernah ditunjukkan: ini lorong, ini jalanraya, sudah ada dalam pelan. Siapa buat, tak diketahui tetapi hari ini pihak J.K.R. atau Perancang Bandar Negeri tak mahu akui jalan itu kerana jalan itu kononnya tak cukup lebarnya 66 kaki. Jalan dalam kampung itu kecil. Ini katanya mesti di bawah peruntukan D.O. Kalau sekiranya di bawah peruntukan Pejabat Daerah, maka jalan-jalan dalam kampung itu sehingga hari kiamat pun barangkali tetapi sulit untuk mendapatkan jalan tar, tetapi kalau kampung-kampung baru boleh dapat jalan tar, mengapa dan kenapa jalan-jalan kampung lama yang orang itu betul-betul taat dan setia kepada Kerajaan tidak mendapat pembelaan. Ini bukannya berlaku di Negeri Sembilan

sahaja. Baru-baru ini saya pergi ke Kelantan, saya masuk ke Bachok, lebih banyak jalan tidak ada tar., nasib saya agak baik walaupun kereta melekat, datanglah orang Bachok menolong menolak kereta saya yang lekat itu, saya berterima kasih kepada orang begitu.

Satu perkara lagi dalam Kementerian Kerjaraya ini berkenaan dengan bekalan letrik di kampung-kampung. Saya sudah sarankan beberapa tahun dahulu, tetapi hari ini berlaku lagi, iaitu betul-betul bersempadan dengan rumah saya lebih kurang 3 batu dari bandar Seremban, Jalan Jelebu lebih kurang 1 batu tertinggal atau ditinggalkan agak saya, kerana dari pekan Seremban sehingga batu 3½ ada bekalan letrik. Di batu 4 ada bekalan letrik jadi antara batu 3½ hingga ke batu 4 lebih kurang 20 batang tiang tak dapat bekalan letrik. Bila ditanya dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, dikatakan akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Bila dibanci rumah yang terlibat itu hanya 9 buah rumah sahaja, tidak ekonomik, kata pegawai yang berkenaan. Maka malanglah orang-orang tersebut. Inilah amalan L.L.N. Saya harap benar-benar perkara ini jangan berlaku lagi. Saya diberitahu bahawa perbelanjaan bekalan letrik sepanjang f batu itu dikehendaki \$8,000 bila ditanya kepada Pegawai Daerah, katanya tak ada peruntukan. Saya berhubung dengan Wakil Parlimen yang diutuskan \$50,000 sudah habis pula peruntukannya. Jadi malang terus, boleh jadi kalau pilihanraya akhir tahun 1977 akan menimbulkan kerumitan sedikit. Tetapi kalau dapat diadakan Bekalan itu pada tahun 1977, saya yakin perkara ini tidak akan menyulitkan. Perkara ini hanya melibatkan bekalan letrik untuk f batu sahaja.

Saya menyentuh pula mengenai penyalahgunaan dadah. Perkara ini sudah banyak diperkatakan. Kerajaan juga telah bertindak, tangkapan banyak diberitakan dalam akhbar tetapi hakim yang membicarakan tak ada, bererti hakim-hakim kita kurang. Jadi apa yang saya musykilkan ialah orang yang ditangkap akan dijamin, walaupun \$100,000 atau \$200,000 ada orang yang akan jaminnyanya, perbicaraan ditangguhkan sehingga dua-tiga tahun belum diputuskan, dalam pada itu dia balik semula mengamalkan pekerjaan itu. Itulah sebabnya rasa saya penyalahgunaan dadah ini susah hendak diselesaikan. Kalau kita boleh diselesaikan dengan

cepat, jatuhkan hukuman dengan segera, rasa saya boleh kita kurangkan penyalahgunaan dadah ini, kerana baru-baru ini nampaknya hukuman yang dijatuhkan boleh tahan juga. Saya terbaca dalam akhbar dua orang di Kedah telah dihukum penjara seumur hidup. Kalau ini dapat kita laksanakan dengan segera, saya yakin pengedar-pengedar dadah akan dengan sendirinya berasa takut. Jadi kalau tak ada pengedar, tentu penghisapnya tak ada.

Selain daripada itu berkenaan dengan pemulihan. Pemulihan ini diadakan di Hospital Seremban tetapi malangnya agaknya kakitangan tidak cukup orang dihantar untuk pemulihan seminggu di situ. Saya difahamkan daripada punca yang boleh dipercayai dadah ini sampai juga ke hospital yang tersebut. Jadi rasa saya kalau begini keadaannya kita mengadakan hospital untuk hendak memperbaiki orang yang kena penyakit dadah, kemudian dadah itu datang ke situ melalui kakitangan hospital. Saya harap Menteri Kesihatan tolong ambil perhatian, kerana di Hospital Seremban cukup ketat dijaga, masa melawat dibenarkan cuma dua orang sahaja. Ini bagus, tetapi saya minta Menteri Kesihatan supaya cara lawatan yang dibuat di Seremban itu diadakan di seluruh negara, macam Hospital Besar Kuala Lumpur. Bila perkara ini berbangkit, di Kuala Lumpur tak dibuat seperti Seremban. Bila diminta longgarkan, Menteri Kesihatan kata tak boleh, selimut hilang, ubat hilang, itu hilang ini hilang. Saya tidak percaya orang yang melawat pesakit ambil. Tentulah rasa saya yang mengambil barang-barang ini, minta maaf saya membuat tuduhan orangnya tak boleh jawab dalam Dewan ini, tetapi kalau ubat hilang, bolehkah pelawat mengambil ubat. Inilah jawapannya tidak usahalah saya kata kakitangan hospital yang mengambil ubat ini (*Ketawa*). Atau kain selimut kalau hilang bolehkah saya datang melawat orang sakit capai satu selimut masukkan dalam beg. Ini jawapan Menteri Kesihatan, kalau tenguk dalam Hansard yang telah sudah, apa yang saya bangkitkan ini, itulah jawapannya ini hilang, itu hilang. Jadi sekarang saya harap kalau hendak dilaksanakan cara melawat sepertimana yang dibuat di Seremban, saya minta betul-betul Menteri Kesihatan bertegas buat di hospital lain, buat di Johor Bharu, di Hospital Besar Kuala Lumpur, Hospital Universiti sememang sudah dibuat Jadi mengapa orang

Seremban sahaja dihukum, kerana di Seremban ada tiga wakil D.A.P., itu sebab orang Seremban dihukum rasa saya kurang adil. Oleh kerana Parti Pembangkang menang tiga kerusi di bandar Seremban orang yang hendak melawat pesakit di hospital susah. Saya sebagai Ahli Yang Berhormat, tunjuk kad Member of Parliament pun tidak dilayan. Jadi, saya harap kalau ada Pegawai Kementerian Kesihatan tak percaya boleh ikut saya. Kalau pergi ke sana jangan beritahu daripada Kementerian Kesihatan, tentulah masa itu lututnya menggigil, tetapi cuba datang macam saya pakai baju, pakai kain, buat songkok geloboh sedikit macam orang kampung, boleh jadi Pegawai Kesihatan daripada Kementerian itu akan dicis sebagai anjing oleh pengawal di hospital Seremban itu. Apa yang saya nyatakan ini bukanlah saya hendak memburukkan. Saya sanggup kalau ada Pegawai Kementerian Kesihatan hendak ikut saya, saya sedia menemankan, menunjukkan perkara ini berlaku dengan sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini dahulu yang dapat saya sarankan kerana hendak beri peluang kepada rakan-rakan saya yang lain bercakap. Saya sudah bercakap setengah jam masa membincangkan Bil ini diutuskan selama lima hari sahaja banyak rakan-rakan saya yang ingin bercakap, saya hendak beri peluang kepada mereka. Dengan ini, saya menyokong dengan sepenuh-penuh Bil ini.

6.05 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 dan membawa beberapa perkara untuk perhatian Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya suka dan ingin memberi setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh, Menteri Kewangan Malaysia yang memberi satu ucapan yang begitu panjang lebar dan saya harap dalam tempoh beliau menjadi Menteri Kewangan Malaysia negara kita serta rakyat akan terus makmur dan maju. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting saya suka menarik perhatian iaitu Dewan yang mulia Dewan Rakyat juga bersidang pada masa sekarang, saya harap R.T.M. serta wartawan-wartawan akan memberi dan mengambil perhatian kepada cadangan-cadangan yang dibawa oleh

SJHj-ahli Yang Berhormat Senator di dalam Dewan Negara ini. Oleh sebab Dewan Jegara ini yang menjadi satu symbolic cistitusi bagi demokrasi berparlimen. Saya arap wartawan-wartawan dan R.T.M. akan lemberi cukup peluang untuk menyiarkan andangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-Hi Yang Berhormat di Dewan yang mulia ii, bukan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat ahaja.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua Eya suka cakap sedikit ialah Yang Teramat Mia Tunku kita iaitu bekas Perdana fnteri Malaysia. Pada pandangan saya diau sungguhpun dipandang seorang Bapa Lemerdekaan dan Bapa Malaysia, tetapi diau tidak dapat kehormatan seperti Sev-ang yang membebaskan rakyat dan negara ^ripada pemerintahan orang putih. Semua rakyat dan negara patut memberi cukup ke-ormatan kepada seorang pemimpin yang d>askan kita dan kita amat bernasib baik leh sebab Yang Teramat Mulia Tunku berda dengan kesihatan cukup dan terus berada •ersama-sama kita. Pada masa ini beliau •erada di Jeddah berunding berkenaan de- Lgn pinjaman untuk mendirikan bangunan *erkim. Saya harap Kerajaan yang di- >impin oleh Yang Amat Berhormat Datuk lussein Onn akan memberi perhatian per-ara ini dengan berat terhadap seorang emimpin kita yang begitu paling baik an tinggi dan memberi kehormatan kepada diau dan jangan kita kecilkan hati beliau.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat ialah Keselamatan Negara. Bagi diri saya, saya jarang memberi tahniah kepada sesiapa pun kali ini saya memberi ucapan etinggi tahniah kepada Kerajaan kita iaitu rang Amat Berhormat Datuk Hussein dan juga Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Shafie i atas tangkapan beberapa pemimpin baru- aru ini oleh sebab merosakkan keselamatan Negara. Saya harap kita terus bertegas, se-againa kita bergerak untuk menghapus- an pergerakan komunis di dalam negara ita. Tidak kira dia siapa.

{Dengan izin} In India, they don't care who you are but what you are is the question. Idak kira dia berapa kuat atau influential. eorang pemimpin dalam negara untuk impertahankan keselamatan negara, saya arap Kerajaan meneruskan langkah-langkah ang telah diambil dan tegas lagi untuk

menjalankan keselamatan negara. Oleh itu sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima iaitu General Orders yang kita sedang gunakan di dalam segala jabatan-jabatan Kerajaan pada masa sekarang kita mengikut colonial system. Undang-undang yang kita ada masa British memerintah negara kita iaitu procedures yang kita gunakan tidak boleh menyelesaikan masaalah-masaalah rakyat, masaalah orang, masaalah negara, cuma buang masa dengan banyak sangat red-tape. Kerajaan patut mengambil langkah dan tindakan menukarkan General Orders ini untuk menyelesaikan masaalah-masaalah rakyat dan negara, sebab pada masa se- karang General Orders itu banyak sangat red-tape, jadi susah untuk menjalankan satu- satu perkara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ke- enam saya merayu kepada Kerajaan kita iaitu patut Kerajaan menggunakan kekuatan belia. Kita ada berjuta-juta belia tidak buat apa-apa dan buang masa sahaja dan dari masa ke semasa kita mendengar rayuan dan tindakan diminta oleh belia, saya harap Ke- rajaaan pandang di atas apa-apa kehendak belia-belia di negara kita. Ini sangat penting seperti sebuah negara yang muda dan sedang membangun kita mesti memandangkan ke- pada kehendak-kehendak belia.

Perkara yang ketujuh, Tuan Yang di- Pertua, saya telah membawa perkara ini di dalam mesyuarat Dewan Negara yang lepas iaitu geran. Apabila pegawai-pegawai Ke- rajaaan meminta loan untuk membeli rumah yang utama sekali dan penting sekali ialah geran rumah itu dan apabila si pembeli atau pegawai membeli rumah itu meminta taukeh atau developer untuk geran atau Q.T. (Qualified Title) itu dan taukeh itu meminta Jabatan Tanah dengan susah payah men- dapat geran. Jika tidak dapat geran ini tidak dapat peluang langsung untuk membeli rumah oleh pegawai-pegawai Kerajaan.

Ini menjadi satu masaalah sangat susah. Saya harap pada masa sekarang pegawai yang meminta loan sendiri, meminta, dia tulis kepada Jabatan Tanah untuk mendapatkan geran. Saya cadangkan di sini perkara ini boleh diselesaikan iaitu Jabatan itu sendiri boleh menulis kepada Jabatan Tanah untuk mendapatkan geran. Saya ingat dengan buat begini kita boleh dapat geran lebih cepat

antara Kerajaan, Jabatan dengan Jabatan daripada sekarang applicant sendiri pergi minta title daripada Land Office. Ini ambil masa lebih kurang dua, tiga tahun, kadang-kadang dia tidak boleh dapat, jadi peluang untuk membeli rumah tidak dapat, sebab jika tidak ada geran tidak dapat loan. Jika Jabatan berkenaan dari mana pegawai itu bekerja, Jabatan itu menulis kepada Jabatan Tanah untuk mendapatkan geran itu, barangkali masalah pegawai minta loan boleh diatasi. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan.

6.16 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang hendak bercakap besok, tetapi oleh sebab tidak ada Ahli Dewan yang lain yang mahu berucap petang ini untuk menyelamatkan masa yang 15 minit ini, saya yakin saya berpeluang bercakap lagi besok.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap dalam masalah Budget yang dibentangkan dalam Dewan ini, sebagai seorang Ahli Dewan, saya juga bersama-sama mengalu-alukan pembentangan Anggaran Perbelanjaan ini iaitu satu anggaran yang sederhana yang dapat diterima oleh semua golongan bagi rakyat negeri ini. Jadi saya tidak dapat melupakan penghargaan akan pandangan yang baik yang dijalankan dan yang diusahakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga penasihat-penasihat kewangan negara kita ini tentang cukai dan Anggaran Perbelanjaan, 1977, yang telah dibentangkan di hadapan kita. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang dalam rancangan dan anggaran itu yang patut kita kaji dan pertimbangkan, umpamanya, kenaikan cukai atas radio dan TV. Pada satu pendapat TV ini adalah satu kemewahan. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu sebaran am. Saya merayu kepada Kerajaan supaya cukai TV dan radio ini patut dikurangkan supaya semua rakyat di dalam negara kita mendapat sebaran am bantuan dari perkhabaran dan juga perantaraan, pemberitahuan daripada Kerajaan melalui siaran TV dan melalui siaran radio. Kalau harga radio dan TV ini

dinaikkan maka ertinya kita menyekat secara langsung penyebaran yang diusahakan oleh Kerajaan kepada rakyat.

Jadi, saya merayu dalam masalah menaikkan cukai TV dan radio ini di atas harga pembeliannya janganlah disifatkan sebagai satu barang mewah.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap dalam masalah yang lain-lain kita juga harus menyentuh perkembangan yang dilakukan oleh Kementerian-kementerian. Kalau sekiranya Rancangan Malaysia Ketiga ini akan bermula sekarang ini mulai tahun-tahun ke hadapan dengan harapan supaya cuaca yang cerah dan kejayaan yang penuh akan dicapai, maka penglibatan Kementerian-kementerian juga perlu diperawasi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang menjadi kebangkitan pada pandangan umum ialah keadaan Jabatan Kerja Raya. Kerajaan bercadang membuka bandar-bandar baru, membuka tanah-tanah supaya mengimbangkan kemiskinan di antara kaum yang berada dan yang tidak berada, maka alat Kerajaan seperti Kerjaraya dan Tenaga adalah satu perkara yang paling mustahak. Akan tetapi kalau sekiranya pegawai Kerajaan tidak dapat mengikuti dan menyesuaikan dasar yang dibuat oleh Kerajaan, tentulah masalah melaksanakan dasar itu akan menjadi satu kepayahan. Saya sedar bahawa bukan semua pegawai Kerajaan yang bersikap demikian, akan tetapi cara berfikir setengah-setengah pegawai Kerajaan yang terlibat ini patut diberi kursus dan penerangan yang jelas.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat Kerajaan ialah hendak membangunkan satu pembangunan wilayah melalui kawasan pembangunan tanah dan di tengah-tengah pembangunan tanah itu luasnya kira-kira 30 batu lebih. Jabatan yang diberi tugas permulaannya ialah FELDA dan FELDA lah yang menguruskannya mengikut arahan, misalnya jalan ini mestilah diberi semua hak milik kepada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Federal. Akan tetapi dengan sebab tidak ada koordinasi maka rintasan jalan atau jalan

fang dikehendaki sekarang ini masih menjadi alan yang tidak begitu baik yang melibatkan pembangunan dalam satu perbadanan fang lain yang diamanahkan oleh Kerajaan. [tu satu daripada contohnya.

Contoh yang kedua, apabila berlaku keturangan air dalam satu-satu kawasan, kita fc>erkehendakkan satu perundingan daripada :onsultant supaya ia boleh memberi tunjuk ajar bagi pembangunan atau pemulihan untuk membanyakkan dan membesarkan di tempat tekurangan bekalan air di satu-satu tempat. ruan Yang di-Pertua, kadang-kadang consultant inipun kadangkala membuat kesilapan juga pernah beberapa orang consultant membuat liputan lapurannya yang kita tidak boleh pakai dan digunakan serta tidak boleh diimplementkan. Jadi apa salahnya supaya kita memikirkan bagaimana untuk mengatasi masaalah ini. Contohnya di Kuala Lipis, Komplek Tentera akan diadakan, lebih 5,000 orang akan datang di tahun hadapan. Komplek Polis akan didirikan di Batu 13 berhampiran dengan bandar Benta, tetapi keperluan air di kawasan itu tidak cukup, bila air tidak cukup, dibuatlah lapuran supaya consultant lain pula membuat satu kajian iaitu untuk membesarkan yang lama supaya air ini boleh disalurkan ke semua tempat. Consultant ini telah membuat semakan balik semula, tetapi yang menyebabkan air tidak cukup ialah oleh kerana sedutan air daripada Sungai Lipis mengalir daripada satu lubang. Pada masa mulanya lubang itu dalam, tetapi sebab tidak mengkaji arus air, orang yang sepatutnya pakar bahagian air ini ialah Jabatan Taliair, akhirnya lubang tempat sedutan air dipenuhi dengan pasir. Apabila musim kemarau tiba datangnya 2-3 orang buruh JKR mengeluarkan pasir itu supaya jangan disedut oleh air. Ini satu contoh tidak adanya koordinasi. Pada hal satu sungai yang besar boleh mengempangi, tetapi tak dapat air itu disedut oleh jentera pengepam. Ini adalah dengan sebab salah nasihat. Perkara inilah yang saya bangkitkan daripada awal ucapan saya tadi bahawa perunding ini pun patut kita meneliti oleh pegawai yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap mengenai masaalah yang lain-lain mengenai Kementerian, saya suka hendak bercakap dalam masaalah keselamatan dalam negeri. Saya tidak hendak menyentuh tangkapan yang dilakukan oleh Polis, sebab sekarang ini masih dalam penyiasatan. Tetapi dalam tempoh 60 hari, Polis berhak membuat siasatan dan selepas tempoh itu samada orang ini hendak ditahan lebih panjang atau dibebaskan itu terpulanglah kepada kehendak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Perkara yang penting kita fikirkan sekarang ini, mengapakah rakyat negeri kita sekarang ini ada yang menyokong kominis? Dahulu orang berpendapat bahawa golongan yang menyokong kominis ini ialah orang yang miskin, orang yang tidak berada dan orang yang kekurangan. Tetapi pada masa yang akhir-akhir ini, orang yang berada, berpelajaran juga menyokong kominis. Kita haruslah mencari satu sebab mengapa mereka menyokong kominis dan mengapa kominis berada di negara kita sedangkan kita mengakui sistem demokrasi berparlimen dan kalau adalah satu-satu sistem yang sesuai di negara kita, ini adalah satu-satu cara rampasan kuasa yang mesti diresapkan kepada rakyat negeri ini bagi merebut kuasa pemerintahan di dalam tangan demokrasi kepada alihan sistem kominis kita patut mengeluarkan kertas putih yang mengistiharkan negara berada dalam pemerintahan darurat. Jadi rakyat yang menyokong rancangan ini boleh jadi ada dua motif. Satu motif kerana mahu merebut kekuasaan dan boleh jadi satu motif lagi, keciciran dan ketiadaan pada mereka itu yang menyebabkan mereka menyokong gerakan kominis itu.

Tuan Yang di-Pertua, Tuhan jadikan alam ini ialah dalam tempoh enam malam. Tuhan berfirman: "Hual-lazi khalaqas-samawati wal-ard fi sit-tati-ayyam" bahawa Tuhan jadikan alam ini dalam tempoh enam malam dan tiap-tiap satu malam itu pada perhitungan manusia ialah 1,000 tahun. Ertinya Tuhan wujudkan alam inipun tidak dengan sekali gus. Walaupun Tuhan mempunyai kuasa, kalau Tuhan kata jadi, maka jadilah ia.

"Kun", kata Allah, "Fayakun", jawabnya, maka begitu juga kita sebagai Hambanya yang lemah, kita mempunyai kekurangan dan ini satu pengajaran kepada kita yang memerintah, akan tetapi apakah alat Kerajaan bagi menyedarkan rakyat kepada hakikat yang saya katakan tadi, satu daripadanya ialah kesedaran jiwa dan kerohanian.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik semula kepada kesah sebaran alat-alat bagi menyedarkan rakyat, kita masih belum mencukupi lagi menunjukkan tugas Kementerian Penerangan tidak mencukupi. Apakah dadah yang mengalir begini banyak pada negara kita sehingga negara kita masyhur di seluruh

dunia, Malaysia adalah negara pengedar dadah yang utama dalam dunia ini. **Dua** orang rakyat kita ditangkap di Belanda dan baru-baru ini dua orang lagi rakyat kita ditangkap di Rome yang melibatkan nilai berjuta ringgit Amerika yang dirampas, tidak termasuk tangkapan dalam Malaysia.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk bolehlah menyambung pada hari esok. Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Selasa, 14hb Disember, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.